

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 21 MAC 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kerajaan PH akan mengkaji semula perenggan-perenggan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang melaksanakan dasar diskriminasi pendidikan bahasa ibunda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa KPM tidak pernah melaksanakan dasar yang mendiskriminasi pendidikan mana-mana bahasa ibunda dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 digubal dengan melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa hadapan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Berkenaan aspek bahasa, keperluan untuk menguasai bahasa Melayu adalah penting untuk memupuk perpaduan juga identiti warga-warga Malaysia, manakala penggunaan bahasa Inggeris adalah untuk membentuk individu dan warga yang bersedia untuk bersaing di peringkat

NO. SOALAN : 1

antarabangsa. Manakala mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil masih dikekalkan sebagai mata pelajaran teras di Sekolah Jenis Kebangsaan. Mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) dan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) juga diajar di sekolah kebangsaan sebagai mata pelajaran tambahan yang boleh dipilih oleh murid bersama-sama dengan mata pelajaran bahasa lain seperti Bahasa Iban, Bahasa Kadazandusun dan juga Bahasa Semai.

KPM sentiasa memastikan mata pelajaran bahasa ibunda sentiasa dikemas kini dalam aspek kurikulum, bahan bantu belajar serta kaedah pengajaran dan pembelajaran, dan melaksanakannya di sekolah agar pembelajaran bahasa Ibunda dilaksanakan dengan berkesan dan dengan penuh kualiti. Pengukuhan pembelajaran dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah berdasarkan keperluan murid mengikut tahap penguasaan bahasa masing-masing. Untuk menjayakan pelaksanaan mata pelajaran ini KPM telah menyediakan sukatan atau Standard Kurikulum mata pelajaran bahasa Ibunda tersebut. Bahan sokongan juga disediakan dan diedarkan ke sekolah berkenaan untuk diguna pakai dalam pelaksanaan kurikulum bahasa-bahasa tersebut.

Pelaksanaan bahasa ibunda ini adalah selari dengan saranan PPPM 2013-2025 agar murid yang menamatkan persekolahan menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka berkomunikasi secara berkesan, dan mampu bersaing di peringkat global. Disamping itu, *the way foward* atau jalan ke hadapan kita adalah untuk menghasilkan para murid dan juga para warga yang *multilingual* atau jamak bahasa.

Sekian, terima kasih

RJM 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi meningkatkan hukuman terhadap pelaku kesalahan jalan raya sehingga menyebabkan kematian terutamanya memandu di bawah pengaruh alkohol.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian akan meneliti dan menjalankan kajian secara mendalam sebelum sebarang keputusan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 sedia ada. Ia perlu dilakukan disamping mendapatkan pandangan dan persetujuan daripada pelbagai agensi lain seperti PDRM kerana penguatkuasaan terhadap kesalahan jalan raya berhubung kematian terutamanya kematian memandu di bawah pengaruh alkohol adalah di bawah bidang kuasa PDRM disamping pandangan daripada Jabatan Peguam Negara dan MIROS. Pada masa yang sama pandangan semua pihak termasuk daripada pihak industri pengangkutan perlu diperolehi sebelum sebarang keputusan dibuat.
2. Pada ketika ini, Seksyen 41 Akta 333 telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang telah didapati bersalah menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau merbahaya hendaklah dihukum penjara untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit. Jika seseorang yang disabitkan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41 ini adalah merupakan pemegang lesen memandu percubaan, maka Mahkamah selepas menyabitkan kesalahan akan membatalkan lesen memandu percubaan itu.
3. Di bawah peruntukkan Seksyen 44 pula, mana-mana orang yang menyebabkan kematian atau kecederaan akibat memandu di bawah pengaruh alkohol, apabila disabitkan, hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit. Pesalah yang memegang lesen percubaan juga apabila disabitkan akan dibatalkan lesen tersebut.

4. Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen 41 juga akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun (dan lima tahun bagi kesalahan di bawah Seksyen 44) dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.
5. Selain dari itu, lesen memandu orang yang melakukan kesalahan yang sedang dalam proses pertuduhan juga akan digantung bermula dan berkuat kuasa dari tarikh pertuduhan itu dibacakan pertama kalinya kepada orang itu sehingga mahkamah membuat keputusan muktamad terhadap pertuduhan itu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN NO. 3

TUAN WONG LING BIU [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai keluarga yang telah didaftarkan di bawah Sistem eKasih sehingga kini. Apakah bentuk bantuan yang ditawarkan kepada mereka pada masa ini dan apakah bantuan lain yang akan ditawarkan pada masa akan datang.

SOALAN NO. 21

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menyelaraskan data eKasih dan mengkaji semula kriteria untuk berdaftar dengan ekasih memandangkan kebanyakan polisi Kerajaan sekarang menggunakan data eKasih.

SOALAN NO. 60 (2 April 2019)

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria terkini minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk seseorang layak didaftar di bawah senarai eKasih dan jumlah penerima eKasih setakat hari ini

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan dari **YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** bertarikh **21 MAC 2019** dan soalan **YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]** bertarikh 2 April 2019, kerana ia membawa maksud dan isu yang hampir sama dengan soalan ini.

Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kategori** golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan Miskin Tegar dan Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada **jumlah pendapatan perkapita isirumah** dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey 2016*.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga **28 Februari 2019**, seramai **631,587 Ketua Isi Rumah (KIR)** telah berdaftar dengan eKasih di seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai **55,981** KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan **134,553** KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai **441,053** KIR adalah di bawah kategori Terkeluar. Data dalam Sistem eKasih adalah bersifat dinamik dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

SOALAN NO. 3

Sistem eKasih juga bertujuan merekod maklumat bantuan bagi mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan penyaluran bantuan/program kepada golongan miskin. Sistem eKasih memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri mengakses data/maklumat kemiskinan yang sama dan seterusnya membolehkan pihak Kerajaan menyalurkan bantuan yang sewajarnya dengan lebih berkesan dan efisien. Maklumat-maklumat bantuan ini dikunci masuk dan dikemas kini oleh kementerian/agensi pemberi bantuan masing-masing mengikut jenis bantuan yang disalurkan.

Perincian jenis bantuan yang disalurkan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI BANTUAN	JENIS BANTUAN
1	Keperluan Asas	Bantuan Bina Rumah Baru, Bantuan Baiki Rumah
2	Ekonomi	Program Peningkatan Pendapatan, Program AZAM, Bantuan Usahawan
3	Minda Insan	Kursus Jahitan, Program Pembangunan Latihan dan Kerjaya, Program Minda Insan, AZAM Kerja
4	Sosio Kebajikan	Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-kanak, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Sara Hidup
5	Pelajaran	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT)
6	Lain-lain	Program Peningkatan Ekonomi Setempat (PPES), Program Kampung Sejahtera (PKS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat

Terdapat enam (6) kementerian utama yang terlibat dalam penyaluran bantuan melalui program-program yang dilaksanakan. Ianya terdiri daripada :

1. Kementerian Pendidikan Malaysia,
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
3. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
4. Kementerian Pembangunan Luar Bandar,
5. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
6. Kementerian Sumber Manusia.

SOALAN NO. 3

Bagi meringankan kos hidup golongan berpendapatan rendah, Kerajaan melalui Kementerian/Agensi Pemberi Bantuan akan terus menawarkan bantuan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup pada masa akan datang.

Selain itu, bagi memastikan kelestarian data eKasih dan bantuan dapat disalurkan kepada golongan sasaran yang tepat, aktiviti pemutihan akan dijalankan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali kepada KIR yang berdaftar di bawah Sistem eKasih. Di bawah Program Kelestarian eKasih, aktiviti *mobile team* atau lawatan turun padang **bersama agensi pemberi bantuan** terhadap kumpulan sasaran juga akan dijalankan khusus untuk mengenalpasti bentuk bantuan (program/projek) yang bersesuaian dan menyalurkan bantuan berkenaan dalam tempoh masa yang segera.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang terkesan disebabkan oleh penurunan harga jualan hasil tanaman seperti kelapa sawit, lada hitam, koko, getah dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Batang Lupar, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Kinabatangan bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Tanjong Manis pada hari ini. Kesemua 9 orang Ahli Yang Berhormat tersebut membangkitkan isu yang lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Tanjong Manis.

Antara usaha agresif dan proaktif terbaharu Kementerian untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang terkesan disebabkan oleh penurunan harga komoditi sawit dan getah adalah dengan melalui langkah-langkah berikut.

- (a) bagi komoditi sawit, meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai 2019. Program B10 ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit dimana seawal Januari 2019 dan

SOALAN NO : 4

Februari 2019 harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 pada Januari dan RM2,122.65/tan pada Februari berbanding dengan harga pada Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan;

- (b) menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan syarikat China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit bernilai RM3.64 bilion ke negara republik itu yang melibatkan empat syarikat Malaysia dan tiga syarikat China. Persetujuan ini adalah susulan lawatan kerja Kementerian ke China untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu; dan
- (c) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara.

Bagi menjawab soalan berkaitan getah, saya telah menghadiri Mesyuarat Khas Peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) 2019 di Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019. Hasil mesyuarat ini, ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju bahawa *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) merupakan instrumen yang berkesan untuk mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. Mesyuarat ITRC pada peringkat pegawai telah menyusuli perkara ini pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dan telah menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga *Standard Malaysia Rubber 20* (SMR20) *Free On Board* (FOB) telah meningkat sebanyak 15.1% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM5.98/kilogram pada 14 Mac 2019.

SOALAN NO : 4

Kerajaan masih meneruskan bantuan kepada pekebun kecil lada dan koko seperti berikut:

- (a) pada tahun ini, kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk bantuan seperti input dan peralatan pertanian, latihan dan kursus kepada pekebun lada di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Baharu Lada;
- (b) melaksanakan Skim Tanaman Baharu Lada dengan nilai bantuan sebanyak RM26,000 sehektar bagi tempoh dua (2) tahun;
- (c) melaksanakan Skim Peningkatan Kualiti Lada Peringkat Ladang bagi meningkatkan kualiti lada di peringkat ladang dan menggalakkan pekebun mengeluarkan lada premium seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK) untuk mendapat harga yang lebih lumayan; dan
- (d) memberikan bantuan dalam bentuk kemudahan lepas tuai seperti pengipas, peleraai, *spiral separator*, pelantar jemuran, tangki rendaman dan bahan binaan untuk empangan kecil anak sungai.

Bagi komoditi koko, kerajaan menyediakan latihan seperti kursus asas teknologi tanaman koko, kursus lanjutan teknologi tanaman koko, kursus pembangunan dan pengurusan nurseri dan teknologi cantuman, kursus *in-situ* dan gerak gempur tanaman koko dan kursus *farmer field school* (FFS).

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
(HULU LANGAT)

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha Kerajaan mencapai hasrat 1 Juta Pekerjaan berkualiti seperti dalam Manifesto Pakatan Harapan.

PN-1412- L04146

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan 1 juta pekerjaan berkualiti untuk warganegara Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, langkah-langkah berikut sedang dijalankan:

- (i) Kerajaan sedang berusaha menarik lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value jobs* dan *knowledge worker* (k-worker). Oleh yang demikian, negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensifkan buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*Low Paying Jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju;
- (ii) Menggalakkan latihan-latihan bersifat *internship* di kalangan majikan bagi membolehkan lebih ramai

SOALAN NO: 5

pencari kerja tempatan diserap dalam pekerjaan dan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN);

- (iii) Menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan lagi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk pencari kerja berkemahiran; dan
- (iv) Mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan kerjasama industri untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing yang bergaji rendah.

Tuan Yang di Pertua,

2. Penempatan pencari pekerjaan sepanjang tahun 2018 adalah seramai 168,677 orang dan tiga kategori jawatan tinggi mengikut MASCO sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:-

- | | |
|---|----------|
| a) Pengurusan | -5,160 |
| b) Profesional | -13,102 |
| c) Juruteknik dan Profesional Bersekutu | - 28,811 |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 6

Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah tuntutan balik GST yang masih belum dapat dijelaskan pembayarannya oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam ucapan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018, Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa Petronas akan membayar dividen khas sebanyak RM30 bilion kepada Kerajaan untuk digunakan dalam pembayaran tunggakan bayaran balik cukai GST dan cukai pendapatan yang dijangkakan sebanyak RM37 bilion pada tahun ini.

Dividen khas Petronas secara *one-off* ini telah mula dibayar kepada Kerajaan secara beransuran dan bayaran balik cukai-cukai tersebut kepada pembayar cukai juga telah bermula sejak bulan Januari tahun ini. Bagi tahun 2019 sehingga 28 Februari 2019, dividen khas sebanyak RM8 bilion telah diterima daripada Petronas. Jumlah sebanyak RM7.9 bilion telah dibayar balik kepada pembayar cukai GST dan cukai pendapatan seperti berikut:

	Bayaran Dividen Khas Petronas (1 Jan 2019 - 28 Feb 2019)	Bayaran Balik Cukai GST (1 Jan 2019 - 3 Mac 2019)	Bayaran Balik Cukai Pendapatan (1 Jan 2019 - 28 Feb 2019)
Jumlah	RM 8 bilion	RM 4.0 bilion	RM3.9 bilion
Bilangan kes (Syarikat)	-	54,603	38,104
Bilangan kes (Lain-Lain)	-	-	37,672

Untuk bayaran balik cukai pendapatan, sebanyak RM3.9 bilion telah dibayar balik oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sehingga 28 Februari 2019 yang melibatkan 75,776 kes bayaran balik (38,104 kes syarikat dan 37,672 kes selain syarikat). Manakala untuk bayaran balik GST pula, sebanyak RM4.0 bilion telah dibayar balik kepada 54,603 registran GST oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sehingga 3 Mac 2019.

NO SOALAN : 6

Tunggakan pembayaran balik cukai pendapatan selama 6 tahun dan GST selama 3 tahun yang berjumlah RM37 bilion ini merupakan kegagalan pengurusan kewangan negara oleh kerajaan yang lalu.

Pembayaran balik cukai-cukai ini menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Harapan tidak menyelewengkan pulangan dividen daripada Petronas, dan ikhlas menunaikan janji memulangkan tunggakan pembayaran balik cukai kepada rakyat dan syarikat Malaysia. Sebaliknya, tindakan ini akan memberi satu impak yang positif kepada perniagaan-perniagaan Malaysia dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tunggakan bayaran balik GST setakat 31 Mei 2018 adalah sebanyak RM19.4 bilion yang melibatkan lebih 120,000 registran. Pada bulan Ogos 2018, JKDM telah menetapkan RM19.4 bilion sebagai amaun yang telah melalui pelbagai proses verifikasi, tapisan dan semakan dalaman untuk bayaran balik. Hanya kerana wang yang tidak mencukupi dalam Tabung Amanah Bayaran Balik GST yang menyebabkan jumlah ini tidak diluluskan dan dipamerkan dalam laman web JKDM agar langkah terakhir pembayaran tidak dilaksanakan. Sekiranya terdapat wang yang mencukupi, tentu jumlah tersebut akan diluluskan dan dipamerkan. JKDM kemudiannya akan mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk membuat pembayaran balik.

Sehingga 4 Mac 2019, jumlah tuntutan bayaran balik GST yang masih belum selesai adalah sebanyak **RM22.145 bilion** yang melibatkan 298,457 penyata dan 168,839 registran. Amaun tuntutan bagi 100 syarikat tertinggi yang masih belum dibayar dan disahkan untuk pembayaran adalah sebanyak RM9.36 bilion, yang mana melibatkan 1,028 penyata. Semua tunggakan bayaran balik GST akan dibayar balik sepenuhnya seperti mana yang telah diumumkan tertakluk kepada tuntutan yang dibuat oleh syarikat adalah teratur dan mengikut peraturan semasa yang ditetapkan. Jumlah tuntutan ini pada 31 Disember 2018 telah meningkat sejak 31 Mei 2018 dan tentunya ia akan diproses.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah cadangan bagi menjadikan Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam menjadi salah satu hospital pakar kerana hospital pakar sedia ada jauh dan padat dengan pesakit.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam merupakan sebuah hospital tanpa pakar berkapasiti 93 katil. Kadar penggunaan katil (BOR) pada tahun 2017 ialah 42.3%. Perkhidmatan kepakaran di hospital tersebut disediakan oleh pegawai perubatan terlatih di samping pakar pelbagai bidang dari hospital berdekatan yang membuat lawatan secara berkala di dalam 10 bidang kepakaran dan subkepakaran iaitu ortopedik (setiap 2 minggu), psikiatri (setiap 2 minggu), pembedahan am (setiap 2 minggu), perubatan am (sebulan sekali), pediatrik (sebulan sekali), oftalmologi (sebulan sekali), respiratori (sebulan sekali), obstetrik dan ginekologi (sebulan sekali), otorinolaringologi (sebulan sekali) dan pembedahan plastik (sebulan sekali).

Di samping itu, bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan kepakaran untuk penduduk setempat, Kementerian Kesihatan Malaysia merancang untuk memulakan inisiatif hospital kluster. Di bawah inisiatif ini, Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam akan menjadi hospital *non-lead* bersama-sama dengan Hospital Sungai Buloh (*lead hospital*), Hospital Tanjung Karang dan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) (*non lead*). Hospital Sabak Bernam juga telah dipilih sebagai hospital rintis di dalam *Global Surgery Framework* (dengan izin). Di dalam rangka kerja ini, Pegawai Perubatan dan anggota sokongan yang bekerja di Hospital Sabak Bernam akan diberikan latihan khusus di dalam bidang Pembedahan Am dan Anestesiologi untuk menjalankan pembedahan-pembedahan elektif mengikut senarai yang telah ditetapkan (*essential list*).

Dengan ini, akses kepada perkhidmatan Pembedahan Am dan Anestesiologi yang selamat dapat diberikan khususnya kepada penduduk Sabak Bernam tanpa perlu dirujuk kepada hospital berpakar yang lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED**
SADIQUE YUSOFF [KOTA TINGGI]
TARIKH : **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 8

Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh 2017 hingga 2019 terkini dan nyatakan jenis-jenis keganasan rumah tangga yang dilaporkan serta langkah Kementerian bagi membendung gejala ini serta langkah bagi melindungi mangsa keganasan rumah tangga ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah merekodkan sebanyak **1,037 kes** bagi tempoh 2017 hingga Jun 2018.

Jenis-jenis keganasan rumah tangga mengikut tafsiran di bawah Akta 521 dilaporkan kepada JKJ adalah:

- Menyebabkan kecederaan atau mencederakan mangsa secara fizikal (484 kes);
- Sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal (401 kes);
- Melakukan penderaan secara psikologi dan emosi terhadap mangsa (69 kes); dan
- Melakukan khianat atau memusnahkan atau merosakkan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa (30 kes).

Berdasarkan 1,037 kes tersebut bukan semuanya adalah mangsa wanita, lelaki juga merupakan mangsa keganasan rumah tangga iaitu sebanyak 56 orang adalah mangsa lelaki (5.4 peratus).

Antara langkah-langkah Kementerian bagi membendung gejala keganasan rumah tangga:

- 425 kes diberikan Perintah Perlindungan Sementara / *Interim Protection Order* (IPO);
- 95 kes diberikan pindah tinggal berasingan seperti kembali ke rumah ibu bapa atau saudara mara;
- 89 kes diberikan kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat; dan
- 79 kes diberikan Perintah Perlindungan / *Protection Order* (PO).

SOALAN NO. 8

Langkah untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga telah dipertingkatkan melalui pindaan tahun 2017 iaitu:

- Melantik Pegawai Polis dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai penguat kuasa di bawah Akta 521; dan
- Menjadualkan tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat yang Diberi Kuasa untuk mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan (EPO) untuk mangsa keganasan rumah tangga di bawah seksyen 2 Akta 521.

Sejak akta ini dipinda, Kementerian telah mengeluarkan 10 *Emergency Protection Order* (EPO) di seluruh Malaysia. Daripada 10 kes ini, Negeri Selangor mencatatkan sebanyak empat (4) kes, Negeri Perlis sebanyak dua (2) kes, Negeri Kedah, Melaka Tengah, Negeri Sembilan dan Sabah turut mencatatkan satu (1) kes masing-masing. Berdasarkan jumlah kes yang dilaporkan, ia menunjukkan trend ini agak tinggi tetapi kurang laporan dan kurang kesedaran dan Kementerian akan terus fokus untuk memberikan kesedaran melalui *engagement* bersama *stakeholders* dan NGO-NGO yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
(KAPAR)

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan pindaan
Akta Perusahaan.

PN-1412- L02995

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses akhir untuk meminda secara *holistic* beberapa akta perburuhan termasuk Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967). Draf cadangan pindaan APP 1967 telah dimuat naik di laman web Kementerian Sumber Manusia sejak 4 Disember 2018 bagi membolehkan Kementerian mendapat pandangan daripada *stakeholder*.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Undang-Undang Buruh bagi membincangkan draf cadangan pindaan telah diadakan pada 11-14 Januari 2019 dan 13-14 Februari 2019 yang lepas. Adalah dijangkakan cadangan pindaan APP 1967 akan dibentangkan di parlimen pada Mesyuarat Kedua tahun ini.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH MENJAWAB : 21 MAC 2019

SOALAN : 10

YB DATO TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci hasil kajian yang menjadi asas kepada draf penggubalan undang-undang baharu berkenaan kesalahan perbuatan mengintai dan menghendap.

JAWAPAN : **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
 TIMBALAN MENTERI DI
 JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua

1. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara sedang membuat kajian menyeluruh berhubung dengan kesalahan jenayah menghendap. Kerajaan akan mengambil kira input daripada pertubuhan bukan Kerajaan yang telah diberikan. Kerajaan juga akan membuat pertimbangan selepas kajian menyeluruh tersebut dimuktamadkan.
2. Memandangkan kajian menyeluruh sedang dilaksanakan, buat masa ini garis masa pengubalan undang-undang tersebut masih belum dapat ditetapkan dan hasil kajian juga tidak dapat diperincikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HJ IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

Y.B. DATO' SRI HJ IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji syarat Bantuan Sara Hidup bagi golongan bujang memandangkan ada kes individu bujang berada dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU) tidak mendapat bantuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan Y.B. Tanah Merah pada 21 Mac 2019 dan Y.B. Lenggong pada 1 April 2019 secara bersekali memandangkan isu yang dibangkitkan adalah hampir sama iaitu pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada golongan bujang.

2. BSH merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sehingga 3 Mac 2019, lebih daripada 1.5 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 310,000 permohonan baharu dan 1.2 juta permohonan kemas kini. Disebabkan tarikh pendaftaran/pengemaskinian BSH 2019 baru sahaja berakhir pada 15 Mac 2019, jumlah sebenar permohonan masih belum dikenal pasti. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

4. Sebagai Kerajaan berjiwa rakyat dan amat mengambil berat pelbagai perkara termasuk anak muda yang belum berkahwin dan bekerja tetapi berpendapatan kecil, Kerajaan bersetuju membuat bayaran RM100 kepada setiap individu yang berdaftar di bawah kategori bujang dalam pangkalan data BSH 2018. Bayaran tersebut akan dibuat pada hujung bulan Mac 2019 dan dimasukkan terus ke dalam akaun bank mereka. Bayaran ini akan memanfaatkan lebih daripada 3 juta individu dan melibatkan peruntukan

NO SOALAN : 11

hampir RM300 juta. Perlu ditegaskan bahawa bayaran ini merupakan bayaran awal dan bayaran selanjutnya akan dikaji semula dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk membuat keputusan. Selain itu, sebanyak 1.2 juta pelajar IPTA dan IPTS menerima Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi sebanyak RM100 seorang.

5. Kerajaan juga komited dalam membantu meringankan beban kos sara hidup di kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) dan memastikan kesaksamaan hak dan peluang seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyediakan pelbagai kemudahan dalam bentuk bantuan kepada golongan OKU seperti Elaun Pekerja Cacat, Elaun OKU Tidak Berupaya Bekerja dan Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) bilakah pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Nabawan akan dijangka siap dan mula beroperasi; dan
- b) berapa mesin hemodialisis yang akan dibekalkan di pusat ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pembinaan pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Nabawan telah dimulakan pada tahun 2018 dan dijangka beroperasi pada hujung tahun 2019. Sebanyak lapan (8) buah mesin hemodialisis akan dibekalkan ke pusat tersebut.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa menggalakkan ibu bapa menghantar anak ke TASKA berdaftar. Antara usaha yang telah dilakukan adalah:

- i. Memastikan status pendaftaran TASKA sentiasa dikemaskini dalam portal rasmi JKM bagi memudahkan ibu bapa membuat semakan sebelum menghantar anak ke TASKA;
- ii. Melaksanakan Kempen Jom Daftar TASKA bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan TASKA berdaftar; dan
- iii. Menyediakan info grafik panduan pemilihan pengasuh di rumah yang dilancarkan pada November 2018 untuk kemudahan ibu bapa dalam pemilihan pengasuh untuk anak mereka.

JKM juga melaksanakan pemantauan secara mengejut dan berkala ke atas TASKA berdaftar bagi memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin. TASKA berdaftar hendaklah mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh JKM dan mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. TASKA yang berdaftar sehingga Januari 2019 adalah sebanyak **4,466** buah di seluruh Malaysia.

Selain itu, bagi meringankan beban ibu bapa dari segi kewangan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar, usaha yang telah dibuat oleh Kementerian dan Jabatan adalah seperti berikut:

- i. Perkhidmatan Persekutuan dan Negeri digalakkan untuk menyediakan TASKA di tempat kerja untuk kemudahan ibu bapa yang bekerja menghantar anak-anak mereka bagi mendapat pengasuhan yang berkualiti (Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6/1989);
- ii. Penjawat awam yang menghantar anak ke TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam juga layak untuk memohon subsidi yuran pengasuhan

SOALAN NO. 13

- RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak mengikut kelayakan pendapatan isi rumah RM5000.00 dan ke bawah (Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013);
- iii. Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak TASKA sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA berdaftar dengan JKM bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan isi rumah RM800 per kapita untuk di bandar dan RM500 per kapita di luar bandar;
 - iv. Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA Komuniti sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA Komuniti yang diiktiraf oleh JKM bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan isi rumah RM5000 dan ke bawah di semua kawasan; dan
 - v. Ibu bapa yang menghantar anak ke TASKA berdaftar dengan JKM juga layak untuk pelepasan cukai sehingga RM1000 setahun (Sumber: Perenggan 294 Bajet 2017).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha memartabat dan memperkasakan tulisan Jawi dalam kalangan guru-guru serta langkah-langkah utama ke arah semua guru Pendidikan Islam dapat menguasai tulisan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(Usaha KPM Memartabatkan Tulisan Jawi)

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa berusaha untuk memartabatkan dan memperkasakan tulisan Jawi dalam kalangan guru. Antara usaha tersebut adalah seperti berikut:

(i) Akademi DBP menawarkan Kursus Peningkatan Kemahiran Tulisan Jawi/Kursus Pemantapan Tulisan Jawi kepada mana-mana individu atau jabatan yang berminat.

(ii) DBP juga menawarkan Kursus Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) kepada mana-mana individu termasuk guru yang berminat untuk menjadi pakar rujuk tulisan Jawi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus ini akan dilaksanakan dari 2 - 4 Julai 2019 di Akademi DBP.

2. Melalui program yang akan dilaksanakan ini, DBP berhasrat untuk melahirkan 30 orang Munsyi Dewan (Jawi) pada tahun 2019. Munsyi Dewan (Jawi) ini diharapkan dapat menjadi pemangkin usaha DBP memartabatkan dan memperkasakan tulisan Jawi.

(Usaha KPM Untuk Guru Pendidikan Islam Menguasai Tulisan Jawi)

3. Pada tahun 2018 pula, KPM telah mengadakan Kem Tulisan Jawi dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia. Antara objektif kursus ini adalah untuk mengupayakan guru-guru dalam mengendalikan Kem Cemerlang Jawi kepada murid-murid. Kursus-kursus bagi mengupayakan guru pendidikan Islam menguasai kaedah penulisan jawi akan sentiasa menjadi perhatian KPM bagi memastikan mereka mampu mengendalikan aktiviti pemulihan jawi di bawah program j-QAF.

4. Untuk makluman, tulisan jawi juga telah dimasukkan di dalam kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Program Diploma Pasca Siswazah Pendidikan dan Program Diploma Perguruan Malaysia bagi Pendidikan Islam yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG).

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]
TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)
SOALAN : 15

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah kerja-kerja fizikal menaik taraf Jalan Ulu Kabo akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Jalan Kabo, Krian, Sarawak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan 2*, Tahun 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah RM10 juta. Skop projek ini adalah menaiktaraf jalan sepanjang 8 kilometer. Status semasa bagi projek ini adalah telah ditender pada bulan Januari 2019 dan dijangka dikeluarkan surat Setuju Terima (SST) pada bulan April 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN NO. 16

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan mewujudkan Akta Profesion Psikologi dan Psikiatri seperti juga profesion-profesion lain bagi mengawal kualiti perkhidmatan dan pengiktirafan kepada bidang ini.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan psikologi dalam perkhidmatan awam telah pun wujud secara formal sejak tahun 1992. Sehingga kini terdapat seramai 1,246 orang Pegawai Psikologi dan personel psikologi yang ditempatkan di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan psikologi kepada penjawat awam dan rakyat. Selain dari perkhidmatan awam, ahli-ahli psikologi ini juga berada di Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta bagi menyediakan perkhidmatan psikologi di organisasi masing-masing.

Berdasarkan beberapa kajian seperti Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia jelas

SOALAN NO. 16

menunjukkan prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun ke atas adalah pada 29.2% atau 4.2 juta orang, yang mana ianya menunjukkan peningkatan dua kali ganda prevalen kesihatan mental sejak 10 tahun yang lepas (10.6% pada tahun 1996, 11.2% pada tahun 2006). Ini menunjukkan isu-isu kesihatan mental seperti stres pekerjaan, masalah kekeluargaan, penyalahgunaan substan, faktor persekitaran dan sebagainya ini terus meningkat dan perlu ditangani dengan berkesan melalui perkhidmatan psikologi dan kesihatan mental yang berkualiti dan profesional.

Justeru, kerajaan melihat profesion psikologi ini amat penting dalam membantu kerajaan mengendalikan isu-isu dan permasalahan rakyat yang boleh membawa kepada masalah kesihatan mental yang lebih serius. Berdasarkan amalan di negara luar seperti UK, Australia, Eropah dan beberapa negara Asia Tenggara, pendaftaran dan regulasi ahli psikologi ini diwujudkan selaras dengan standard antarabangsa bagi mengawal selia perkhidmatan dan menjaga kepentingan ahli psikologi, selain memastikan perkhidmatan psikologi yang diterima oleh rakyat adalah profesional dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas pelanggaran etika dan praktis amalan yang salah.

Justeru, usaha bagi mewujudkan akta psikologi ini sedang dilaksanakan kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) dalam menyediakan cadangan akta yang mana ianya bukan sahaja memberi manfaat dan mengiktiraf profesion dan pengamal psikologi tetapi juga menjaga kepentingan rakyat yang mendapatkan perkhidmatan mereka. Kerajaan amat yakin, dengan adanya akta ini nanti akan membolehkan kawal selia, profesionalisme dan kualiti perkhidmatan psikologi yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 21 MAC 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hasrat Kerajaan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di kawasan Bandar Kuching dan Sarawak terutamanya untuk golongan B40 dan M40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Manifesto Pakatan Harapan telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk menyediakan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) terutamanya kepada golongan B40 dan M40 dalam **tempoh 10 tahun di seluruh negara termasuklah di Negeri Sarawak**. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mengadakan sesi libat urus dengan 3 entiti penyedia rumah iaitu Kementerian / Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju swasta untuk mengenal pasti sasaran dan strategi pelaksanaan 1 Juta RMM supaya perancangan pembangunan perumahan awam dan mampu milik dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Mesyuarat Majlis Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 telah membincangkan isu berhubung pelaksanaan 1 Juta RMM serta pemantauannya. Mesyuarat telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*).

3. Lanjutan daripada itu, sesi pemurnian data sedang dilaksanakan dengan entiti penyedia rumah tersebut bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh dan terperinci.

4. Kerajaan telah menetapkan **cadangan sasaran pelaksanaan RMM Tahun 2018 hingga 2028 di seluruh negara termasuk Negeri Sarawak** melalui agensi-agensinya yang terlibat seperti berikut:

- (i) KPKT : 546,000 unit;
- (ii) Lain-lain Kementerian : 155,788 unit;
- (iii) Kerajaan Negeri : 153,212 unit; dan
- (iv) Pihak swasta : 145,000 unit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

Y.B. DATUK HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah Cukai Pelancongan yang telah dikenakan kepada pelancong asing semenjak ianya dilaksanakan mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan cukai pelancongan dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pelancongan 2017 (Akta 791) yang diwartakan pada 21 Jun 2017. Pelaksanaan kutipan cukai pelancongan dibuat kepada pengendali premis penginapan berdaftar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan tidak terhad kepada hotel sahaja. Kadar cukai yang dikenakan kepada pelancong asing adalah RM10 sebilik/malam.

Dalam ucapan Belanjawan Tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan. Langkah ini membolehkan Kerajaan Negeri menerima hasil tambahan yang secara agregat dianggarkan berjumlah RM67.7 juta berdasarkan kutipan pada tahun 2018 dari Kerajaan Negeri yang berjumlah RM135.5 juta.

Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan pengagihan dan mekanisma penyaluran cukai pelancongan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Majlis Kewangan Negara Tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 19

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengubah dasar kurikulum sekolah kebangsaan sedia ada sekiranya keadaan memerlukan dan bagaimanakah cara Kementerian bagi merapatkan jurang perbezaan pendidikan di pedalaman Sabah Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan perubahan kurikulum dari semasa ke semasa mengikut perubahan, perkembangan dan keperluan dunia semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan kurikulum yang terkini bagi peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah telah mula dilaksanakan mulai tahun 2017.

Walau bagaimanapun, cadangan perubahan dalam kurikulum yang akan dilaksanakan perlu mengambil kira cadangan dan saranan daripada Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) dan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD). JKD ditubuhkan bertujuan untuk mengkaji semula dan mengemukakan laporan perakuan dasar termasuk kurikulum bagi menambah baik sistem pendidikan negara di peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti. Laporan akhir JKDPN akan diserahkan kepada KPM pada akhir bulan April 2019.

Secara asasnya kurikulum yang dibangunkan oleh KPM adalah berbentuk umum untuk dilaksanakan di seluruh negara. Walaupun begitu, para guru sentiasa digalakkan dan diberi keluwesan untuk menterjemahkan kurikulum bersesuaian dengan lokaliti dan persekitaran murid semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, Program Transformasi Daerah atau District Transformation Programme (DTP) yang telah diperkenalkan sejak 2013 telah dapat mengurangkan jurang pencapaian akademik antara sekolah bandar dan luar bandar. Pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar telah menurun sebanyak 23.0 peratus pada 2017 berbanding keputusan peperiksaan pada tahun 2012.

Sekian, terima kasih

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : **21 MAC 2019**

SOALAN : **20**

YB TUAN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk melindungi keluarga Diraja dengan menggubal undang-undang yang lebih sesuai sepertimana di Thailand yang memperkenalkan undang-undang '*lese majeste*'.

JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua

1. Fasal (1) Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan jaminan perlindungan terhadap kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja seperti yang berikut:

“Kecualian bagi kedaulatan, dsb., Raja-Raja

181. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja dan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan di dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap tidak terjejas.

(2) Tiada apa-apa jua prosiding pun boleh dibawa di dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.”.

2. Jaminan di bawah Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan ini turut dilindungi di bawah Fasal (4) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa pada mengenakan sekatan terhadap kebebasan bercakap dan bersuara, Parlimen boleh meluluskan

undang-undang untuk melarang apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif Raja-Raja yang dilindungi oleh Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan dipersoalkan, melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu seperti yang berikut:

“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

10. (4) *Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah Perenggan (a) Fasal (2), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181 melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.”.*

3. Perlindungan kepada Raja-Raja turut diperuntukkan di bawah Fasal (4) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja seperti yang berikut:

“Majlis Raja-Raja

38. (4) *Tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.”.*

4. Berhubung dengan cadangan untuk memperkenalkan undang-undang '*lese majeste*' di Malaysia, berdasarkan rujukan kepada *Black's Law Dictionary*, istilah '*lese majeste*' merupakan kesalahan jenayah terhadap negara, terutamanya terhadap Raja, seperti yang berikut:

“lese majesty. 1. A crime against the state, esp against the ruler. – Also termed laesa mejestas; crimen laesae majestatis; crimen majestatis... Also spelled lese-majeste; lese majesty.”

5. Pada ketika ini, terdapat beberapa peruntukan dalam undang-undang bertulis sedia ada berhubung dengan jenayah terhadap negara dan Raja-Raja seperti yang berikut:

(a) **Kanun Keseksaan [Akta 574]**

“Waging or attempting to wage war or abetting the waging of war against the Yang di-Pertuan Agong, a Ruler or Yang di-Pertua Negeri

121. Whoever wages war against the Yang di-Pertuan Agong or against any of the Rulers or Yang di-Pertua Negeri, or attempts to wage such war, or abets the waging of such war, shall be punished with death or imprisonment for life, and if not sentenced to death shall also be liable to fine.

Offences against the person of the Yang di-Pertuan Agong, Ruler or Yang di-Pertua Negeri

121A. Whoever compasses, imagines, invents, devises or intends the death of or hurt to or imprisonment or restraint of the

Yang di-Pertuan Agong or any of the Rulers or Yang di-Pertua Negeri, their heirs or successors, shall be punished with death and shall also be liable to fine.

Offences against the authority of the Yang di-Pertuan Agong, Ruler or Yang di-Pertua Negeri

121B. *Whoever compasses, imagines, invents or intends the deposition or deprivation of the Yang di-Pertuan Agong from the sovereignty of Malaysia or the deprivation or deposition of the Ruler, his heirs or successors, or of the Yang di-Pertua Negeri from the rule of a State, or the overawing by means of criminal force or the show of criminal force the Government of Malaysia or of any State, shall be punished with imprisonment for life and shall also be liable to fine.”; dan*

(b) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]

“Tafsiran

2. Dalam Akta ini—

“menghasut” apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut;

Kecenderungan menghasut

3. (1) Sesuatu “kecenderungan menghasut” ialah kecenderungan—

- (a) *bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;*
- (b) – (e) . . .
- (f) *bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.*

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1), sesuatu perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain tidak boleh disifatkan sebagai menghasut semata-mata oleh sebab perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan—

- (a) . . .
- (b) *bagi menunjukkan kesilapan atau kecacatan dalam mana-mana Kerajaan atau perlembagaan sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang (kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f) selain yang berhubungan dengan pelaksanaan mana-mana peruntukan yang berhubungan dengannya) atau dalam perundangan atau dalam pentadbiran keadilan*

dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan atau kecacatan itu;

(c) kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f)—

(i) bagi meyakinkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba untuk mendapatkan perubahan, dengan cara yang sah, apa-apa perkara di dalam wilayah Kerajaan itu sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang; atau

(ii) bagi menunjukkan, dengan tujuan hendak menghapuskannya, apa-apa perkara yang menimbulkan atau yang mempunyai kecenderungan untuk menimbulkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Persekutuan,

jika perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu tidak, dengan apa-apa cara lain, sebenarnya mempunyai kecenderungan menghasut.

Kesalahan

4. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) *melakukan atau cuba melakukan, atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut;*
- (b) *menyebut apa-apa perkataan menghasut;*
- (c) *mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan menghasut; atau*
- (d) *mengimport apa-apa penerbitan menghasut,*

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun; dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraannya hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(2) *Mana-mana orang yang ada dalam miliknya tanpa sebab yang sah apa-apa penerbitan menghasut melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya, dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan penerbitan itu hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.”.*

6. Jelas bahawa undang-undang untuk melindungi Raja-Raja telah sedia ada dan sekiranya undang-undang ‘*lese majeste*’ sepertimana di Thailand yang turut melindungi keluarga diraja hendak diadakan, kajian perlu dibuat tentang skop dan kewajarannya dalam kerangka perundangan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 22

Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah komposisi bentuk jawatankuasa penyelaras penggunaan hasil Tabung Harapan serta nyatakan butiran agihan dan perbelanjaan duit Tabung Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Tabung Harapan Malaysia (THM) telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan terikat dengan Arahan Amanahnya yang berkuat kuasa pada 17 November 2018 (pindaan pertama). Baki akhir setakat 14 Januari 2019, iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan ke dalam THM adalah RM202,716,775.10.

Bagi memastikan pengendalian operasi Akaun Amanah THM dapat dilaksanakan secara teratur, telus, berintegriti dan mengikut perundangan, THM adalah tertakluk kepada arahan amanahnya (*trust deed*) iaitu surat ikatan yang menjelaskan dengan terperinci mengenai tujuan penubuhannya, fungsi dan peranan Jawatankuasa Akaun yang mentadbir akaun tersebut, sumber kewangan dan penggunaan wang dalam akaun.

Antara tatacara pengurusan Akaun Amanah THM adalah seperti berikut:

- i. Keperluan bermesyuarat sekurang-kurangkan dua (2) kali setahun dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- ii. Sumber-sumber kewangan yang dikreditkan ke dalam akaun dan penggunaan wang dalam akaun adalah untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Akaun yang mentadbir; dan
- iii. Pengurusan akaun amanah yang dikawal selia secara berkala oleh Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara melalui Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sesuatu *trust deed* akaun amanah adalah untuk kegunaan Jawatankuasa Akaun dan pentadbir sahaja dan

bukanlah untuk makluman umum.

Kerajaan melalui siaran media Kementerian Kewangan bertarikh 7 Februari 2019 telah memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan memutuskan penggunaan wang THM ini mengikut tatacara yang termaktub di dalam arahan amanahnya iaitu akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja. Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menderma ke dalam Tabung Harapan untuk membayar hutang negara yang berpunca daripada skandal 1MDB.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini tiada sebarang pengeluaran dana dibuat dan akaun amanah tersebut kini di peringkat awal pengauditan oleh Jabatan Audit Negara iaitu selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti. Penggunaan dana THM hanya dapat dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan THM selepas pengauditan selesai dilaksanakan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

SOALAN : **23**

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf di bangunan Kompleks Mahkamah Tinggi lama di Pulau Pinang dijangka bermula dan sempurna disiapkan serta berapakah anggaran kos yang terlibat.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengambil maklum mengenai isu-isu kerosakan kritikal yang berlaku di Komplek Mahkamah Pulau Pinang. Berikutan itu, BHEUU telah mengemukakan permohonan untuk kelulusan JPM bagi Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Pemuliharaan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 7 Januari 2019.
2. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, status bangunan mahkamah tinggi lama berusia lebih 100 tahun ini merupakan sebuah bangunan warisan yang telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Tapak Warisan Dunia pada tahun 2008. Oleh yang demikian, bangunan ini perlu dipulihara dengan teliti bagi menjamin kefungsan dan keutuhannya dari segi reka bentuk dan nilai senibina untuk mengekalkan ciri-ciri sejarah berkenaan.

3. Anggaran kos bagi kerja-kerja menaiktaraf dan pemuliharaan tersebut adalah sebanyak **RM16,300,000 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta dan Tiga Ratus sahaja)**. Namun, perkara tersebut masih di bawah pertimbangan dan tindakan Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan peruntukan tersebut dalam tahun 2019. Projek bertaraf warisan ini dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 24

Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan siasatan kes RCI yang melibatkan kerugian sebanyak RM30 bilion lebih dalam perdagangan forex dan apakah keputusan kes yang disiasat oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

RCI bagi kes ini telah ditubuhkan pada 15 Julai 2017 bagi menyiasat mengenai dakwaan kerugian yang dialami oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Laporan RCI mengesahkan bahawa BNM telah mengalami kerugian berjumlah RM 31.5 Billion akibat urusan tukaran wang asing (*forex*) pada tahun 1992 hingga 1994. Laporan polis telah dibuat pada 30 November 2017 sebagaimana yang disyorkan oleh RCI dan kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan (Pecah Amanah Jenayah).

Semasa kes ini masih dalam siasatan, pada 28 Mei 2018, pengadu telah membuat laporan polis untuk menarik semula laporan polis yang dibuat sebelum ini. Memandangkan dokumen-dokumen urusan tukaran wang asing yang diperlukan untuk tujuan siasatan tidak dapat dikemukakan oleh BNM serta laporan polis menarik semula repot telah dibuat, kertas siasatan berkenaan telah dimajukan kepada Timbalan Pendakwaraya pada 19 Julai 2018 untuk tindakan lanjut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 25

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bagi memastikan pengambilan kawasan atau tanah rizab Orang Asli akan dibayar pampasan setimpal dan setanding dengan yang diamalkan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak kebelakangan ini telah timbul kesedaran dari kalangan Masyarakat Orang Asli untuk menuntut pampasan terhadap kawasan atau tanah rizab Orang Asli apabila kawasan tersebut terlibat dengan projek pembangunan kerajaan mahupun swasta. Pada masa sekarang bayaran gantirugi terhadap pokok-pokok tanaman yang dibuat dibawah Seksyen 11 Akta 134 dan Bayaran pampasan tanah yang dibuat dibawah Seksyen 12 akta yang sama adalah tidak setimpal dan jauh lebih murah berbanding dengan pengambilan balik tanah yang dibuat dibawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (Akta 486).

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974. Cadangan pindaan ini akan dibuat selaras dengan Perkara 8(5) Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) serta Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (Akta 486) bagi menjamin bayaran pengambilan balik tanah atau rizab Orang Asli adalah setanding dengan harga tanah-tanah disekelilingnya dan Orang Asli mendapat pampasan yang setimpal.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 26

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan menangani penjualan nombor ekor haram yang beroperasi dan berleluasa di Bandar Limbang sehingga menjual kepada kanak-kanak bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia(PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat di bendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian sepertimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan

SOALAN NO : 26

drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati pegawai berkenaan terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Selain melakukan operasi pembenterasan secara berterusan, tindakan yang tegas juga diambil kepada sindiket-sindiket yang terlibat dalam menganjur aktiviti perjudian haram di bawah undang-undang pencegahan (POCA) jika tiada keterangan yang mencukupi untuk di tuduh di Mahkamah. Statistik tindakan yang telah diambil di bawah POCA sejak tahun 2014 sehingga Februari 2019 atas kesalahan menjalankan aktiviti perjudian haram mengikut kontinjen adalah sebanyak 131 kes bagi judi online/ mesin judi. Judi loteri haram sebanyak 113 kes, judi bookie sebanyak 1 kes dan judi tempat bebas/ dalam bangunan sebanyak 12 kes. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 257 kes.

Bagi Daerah Limbang, statistik serbuan, jumlah tangkapan dan jumlah rampasan wang tunai terhadap Loteri Haram tanpa lesen bagi tahun 2018 dan tahun 2019 sehingga Februari adalah sebanyak 33 tangkapan dengan jumlah rampasan wang sebanyak RM3,759.00.

Usaha yang lebih berkesan untuk menangani aktiviti perjudian haram daripada terus wujud atau beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kesedaran masyarakat umum itu sendiri untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nama sayur-sayuran yang boleh ditanam di negara kita tetapi hasil masih belum mencapai tahap sara diri. Nyatakan sebab kenapa sayur-sayuran tersebut tidak dapat mencapai tahap sara diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Agro-Makanan Negara telah menyenaraikan 9 jenis sayur yang sesuai dan berpotensi di tanam di Malaysia iaitu bayam, bendi, cili, kacang panjang, kubis bulat, sawi, terung, timun dan tomato. Data pengeluaran hasil sayuran tahun 2017 menunjukkan daripada sembilan (9) jenis sayuran utama tersebut, hanya cili dan kubis bulat sahaja yang belum mencapai tahap sara diri (SSL) 100%. Tahap sara diri bagi cili adalah 38.5% dan kubis bulat adalah 76.1%, manakala tujuh (7) jenis sayuran utama yang lain telah melebihi SSL 100%.

Bagi tanaman cili, kos pengeluaran yang tinggi menyebabkan harga cili tempatan tidak dapat bersaing dengan harga cili import. Kos pengeluaran yang tinggi ini disebabkan oleh kos input, infrastruktur dan buruh yang tinggi. Selain itu, faktor serangan penyakit dan perosak cili seperti afid, lalat putih, lalat buah, kulat, bakteria dan virus telah menyebabkan hasil pengeluaran menurun. Ini menyebabkan pengeluaran dalam negara rendah dan perlu bergantung kepada cili import untuk memenuhi keperluan dalam negara.

Bagi tanaman kubis bulat, tahap sara diri belum mencapai 100% disebabkan pengeluaran pada masa ini terhad di kawasan tanah tinggi iaitu di Cameron Highlands, Pahang dan Kundasang, Sabah. Penanaman kubis tanah rendah secara komersil masih di peringkat penelitian daya maju projek terutama dari aspek kos pengeluaran dan kawalan perosak dan penyakit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 21 MARCH 2019

SOALAN : 28

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kegiatan judi haram telah dimusnahkan di Kuala Lumpur sebagaimana yang telah diumumkan oleh Ketua Polis Kuala Lumpur untuk membanteras kegiatan judi haram dalam masa sebulan. Apakah usaha yang telah dibuat untuk membanteras judi haram ini di negeri-negeri lain serta adakah terdapat anggota polis terlibat dalam judi haram ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia(PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat di bendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian sepertimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat

SOALAN NO : 28

boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerah nya, tindakan drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Sejak arahan yang dikeluarkan oleh YDH Ketua Polis Negara pada 20 Julai 2018 dan sehingga kini seramai 12 orang pegawai telah ditukarkan secara serta merta kerana didapati aktiviti perjudian haram masih lagi beroperasi dalam daerah berkenaan. Pertukaran tersebut melibatkan Ketua Polis Daerah (KPD), Timbalan Ketua Polis Daerah (T/KPD), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD), Pegawai Turus D7 Kontinjen, Ketua Polis Balai (KPB) dan Pegawai Risikan dan Operasi (RO) Jenayah Daerah.

Selain melakukan operasi pembenterasan secara berterusan, tindakan yang tegas juga diambil kepada sindiket-sindiket yang terlibat dalam menganjur aktiviti perjudian haram di bawah undang-undang pencegahan (POCA) jika tiada keterangan yang mencukupi untuk dituduh di Mahkamah. Statistik tindakan yang telah diambil di bawah POCA sejak tahun 2014 sehingga Februari 2019 atas kesalahan menjalankan aktiviti perjudian haram mengikut kontinjen adalah sebanyak 131 kes bagi judi online/ mesin judi. Judi loteri haram sebanyak 113 kes, judi bookie sebanyak 1 kes dan judi tempat bebas/ dalam bangunan sebanyak 12 kes. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 257 kes.

Usaha yang lebih berkesan untuk menangani aktiviti perjudian haram daripada terus wujud atau beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kesedaran masyarakat umum itu sendiri untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 29

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masih ramai di kalangan guru pelatih yang sudah tamat pengajian perguruan di maktab tidak mendapat pekerjaan yang sewajarnya. Perkara ini amat serius dan akan memberi impak kepada ketidacukupan guru. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil berat isu kekurangan guru di sekolah dan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini. Perancangan dan anggaran keperluan guru bagi sesuatu mata pelajaran dibuat berdasarkan peruntukan waktu yang diputuskan dalam Jawatankuasa Kurikulum Pusat, KPM, norma perjawatan guru, kelulusan perjawatan pada tahun semasa, jumlah guru mengikut opsyen yang berada dalam sistem, serta perubahan dasar dan program pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan penempatan guru baharu dilaksanakan setelah menerima bekalan guru baharu yang diperaku lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejumlah 1,176 orang graduan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah ditempatkan di sekolah rendah seluruh Malaysia pada 22 Januari 2019. KPM juga telah menempatkan seramai 1,687 orang guru baharu di sekolah menengah di seluruh negara pada 18 Februari 2019.

Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran akan meneruskan pengambilan guru berdasarkan keperluan dan unjuran perjawatan dari semasa ke semasa. Bagi menangani masalah kekurangan guru yang tidak dapat diisi oleh graduan IPGM dan UA Kementerian telah melaksanakan pengambilan guru secara lantikan Interim seperti:

- i. Guru Interim Tahfiz;
- ii. Guru Interim Dini;
- iii. Guru Interim bagi opsyen Teknik dan Vokasional;
- iv. Guru Interim di Sabah dan Sarawak selaras dengan Dasar 90:10;
- v. Guru Interim Pendidikan Islam; dan
- vi. Guru Interim Bahasa Inggeris.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan seiring dengan keputusan Kerajaan membatalkan projek kereta api laju bagi membangunkan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu, apakah Kerajaan mempunyai cadangan baru bagi maksud pembangunan seimbang kemajuan dan pembangunan dengan Pantai Barat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang berunding dengan Kerajaan Republik Rakyat China mengenai hala tuju Projek Rel Laluan Pantai Timur (ECRL). Walau bagaimanapun, buat masa ini Projek ECRL masih belum dibatalkan.
2. Bagi memastikan pembangunan yang lebih seimbang antara Pantai Timur dan Pantai Barat, Kerajaan Persekutuan akan terus memberi tumpuan dalam menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Persekutuan dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), memberi penekanan khusus kepada usaha merapatkan jurang pembangunan wilayah merentas semua negeri, termasuk di Wilayah Timur. Berkaitan ini, Tonggak Ke-3 KSP RMKe-11, iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang telah mengenalpasti bidang keutamaan dan strategi untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun. Enam negeri tersebut akan turut meliputi negeri Kelantan dan Terengganu di kawasan wilayah Timur. Di bawah Rolling Plan 4 (2019) RMKe-11, negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu telah pun diperuntukkan sejumlah RM4.77 billion atau 8.7% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan bagi melaksanakan 120 projek baharu dan 685 projek sambungan melalui pelbagai kementerian. Jumlah peruntukan pembangunan ini adalah lebih

tinggi daripada pada tahun 2018 (RM4.30 billion), iaitu meningkat 10.9% sebanyak RM468 juta daripada tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Usaha untuk mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya tahan dan mampan akan terus dilaksana bagi melonjakkan pertumbuhan PKS di Wilayah Timur. Sehubungan itu, Kerajaan akan mempergiat usaha pelaksanaan 32 inisiatif termasuk enam Program Berimpak Tinggi di bawah Pelan Induk PKS, 2012-2020. Usaha akan diperkukuh untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa modal insan, memperbanyak penerimgunaan teknologi dan inovasi, mempermudah urusan menjalankan perniagaan serta menambah baik akses kepada pembiayaan.
5. Bagi menarik pelaburan berkualiti di Wilayah Timur, tumpuan akan diberi kepada industri yang berasaskan nilai ditambah yang tinggi, teknologi termaju dan inovasi serta berintensif pengetahuan. Dalam hal ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan di bawah Rolling Plan 4 RMKe-11 bagi pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi. Antara projek yang sedang dilaksanakan di negeri Pahang adalah pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan, Projek Perluasan Pelabuhan Kuantan serta Projek Sistem Bekalan Air dan Loji Rawatan Air di Ganchong, Pahang. Bagi negeri Terengganu pula, projek sedia ada meliputi Taman Industri Biopolimer Kertih, pembangunan Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) dan projek Pembinaan Jalan dari Lapangan Terbang Kuala Terengganu ke KTCC. Manakala bagi negeri Kelantan, projek pembangunan yang dalam pelaksanaan adalah Taman Industri Halal Pasir Mas, Taman Industri Tok Bali dan Pembangunan Semula Kampung Laut.
6. Dalam menyediakan ketersambungan yang lebih baik di Wilayah Timur, Projek Central Spine Road (CSR) antara Bentong, Pahang ke Gua Musang, Kelantan sedang dalam fasa pembinaan.

Kerajaan komited untuk meneruskan ketersambungan Projek CSR sehingga ke Kuala Krai, Kelantan. Seterusnya, lanjutan daripada Projek CSR, ketersambungan diteruskan dengan Projek Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai (KB - KK) yang juga dalam fasa pembinaan.

7. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup penduduk luar bandar Wilayah Timur dengan memastikan akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan. Misalnya bagi pembangunan daerah Maran, Pahang, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah meluluskan kos sebanyak RM43.3 juta di bawah Rolling Plan 4 (2019) RMKe-11 bagi projek menaiktaraf dan meninggikan aras jalan kawasan banjir di Jalan Bak-Bak-Serengkam (C133), Daerah Maran, Pahang. Selain itu, kos sebanyak RM250 juta turut diluluskan pada tahun 2019 bagi pembangunan kawasan Bekas Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, iaitu dari Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan operasi di bawah majlis daerah berkaitan termasuk Majlis Daerah Maran.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Secara amnya, usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang merentasi semua negeri diharap akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih,

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
21 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL
[TENOM]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah drastik bagi memulihkan semula pembangunan ekonomi negara, terutama membabitkan hal ehwal kos sara hidup, harga rumah, jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2018 menyederhana pada 4.7% iaitu masih dalam lingkungan kadar pertumbuhan yang disasarkan. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang terus meningkat dan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kestabilan ekonomi ini juga disokong oleh kepelbagaian sumber pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung pada mana-mana komoditi, sektor atau pasaran eksport. Kadar pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah 4%. Manakala kedudukan inflasi terus terkawal pada kadar 1.0% pada tahun 2018 berbanding 3.7% pada tahun 2017 dan merupakan yang terendah sejak tahun 2010, hasil daripada langkah-langkah penyesuaian fiskal dan kewangan serta pentadbiran.
2. Di samping pertumbuhan ekonomi, Kerajaan juga komited untuk terus menumpukan kepada aspek pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan sedar bahawa cabaran seperti kos sara hidup yang mencengkam, harga rumah yang di luar kemampuan rakyat serta jurang pendapatan antara penduduk di bandar dan di luar bandar telah sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan boleh guna rakyat. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, antara beberapa dasar makro yang telah dirangka antara lain adalah bagi menangani ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, pembahagian tidak serata antara pekerja dan pemilik modal, jurang antara kumpulan pendapatan terutamanya kumpulan pendapatan 40% terendah atau B40, kadar pengangguran belia yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam usaha membantu rakyat menangani kos sara hidup, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan pendapatan rakyat di samping mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Usaha juga dilaksanakan untuk mempercepatkan transformasi firma ke arah automasi dan mekanisasi dengan melabur dalam teknologi akan membantu menjana lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi. Pekerja juga digalakkan untuk meningkatkan kemahiran melalui pelbagai program latihan yang disediakan, di samping menambah baik Bantuan Sara Hidup Rakyat kepada isirumah B40 secara lebih bersasar.
4. Bagi menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan pula, Majlis Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi mencari penyelesaian untuk menangani kos sara hidup rakyat. NACCOL bersama-sama Majlis Tindakan Ekonomi akan terus memberi penekanan dan perhatian kepada isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat. Ini bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.
5. Program perumahan juga akan diteruskan melalui penyediaan perumahan mampu milik dan berkualiti kepada isi rumah miskin serta berpendapatan rendah dan sederhana. Isu harga rumah yang di luar kemampuan rakyat akan terus ditangani dengan penubuhan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara bagi meningkatkan kebolehcapaian pembiayaan pinjaman perumahan oleh rakyat dan menentukan harga rumah mampu milik dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta. Dana berjumlah RM1 bilion disediakan bagi membantu pembeli rumah dari kumpulan berpendapatan rendah di seluruh negara untuk membiayai pembelian rumah pertama daripada Bank Negara Malaysia dan insentif sehingga RM30,000 untuk setiap pembelian rumah pertama melalui skim MyHome 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan menyedari bahawa penyediaan kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar akan memperkukuh keterhubungan dan seterusnya merancakkan aktiviti ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pengembangan ekonomi luar bandar akan mengurangkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar. Pelbagai usaha dilaksana untuk memperluaskan penglibatan masyarakat luar bandar dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, termasuk perniagaan secara atas talian (online) yang diceburi terutamanya dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana. Akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan serta penyediaan premis perniagaan juga diperluaskan dengan menambah baik perkhidmatan agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
21 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 32

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memupuk perpaduan dan intergrasi kaum bermula dari sekolah rendah hingga menengah tatkala sekolah kebangsaan tidak mendapat tempat dihati bangsa lain, sedangkan sekolah kebangsaan bukanlah sekolah Melayu dan apakah usaha dilakukan untuk mengukuhkan penerapan Rukun Negara di kalangan pelajar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam aspek memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid di sekolah. Kementerian menyedari bahawa untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan menjadi titik mulanya. Bagi memastikan usaha perpaduan dan integrasi kaum berlaku dan mendapat impak yang optimum, KPM telah memfokuskan terhadap aktiviti atau program yang melibatkan murid, guru dan pihak pentadbir. Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi menerapkan nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah iaitu:

1. KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis Panduan ini diedarkan ke semua sekolah seluruh negara melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 tahun 2018 bertarikh 9 November 2018. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengetua dan guru besar (PGB) dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah KPM.
2. Latihan Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar telah diberikan kepada 440 orang PGB di seluruh negara mulai tahun 2018. Latihan ini bertujuan memantapkan kefahaman PGB dalam memahami, merancang dan mengurus program perpaduan yang bersesuaian bagi sekolah mereka.

Bagi mengukuhkan penerapan terhadap Rukun Negara dalam kalangan murid, KPM dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah seluruh negara. KRN yang diwujudkan di sekolah bertanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan murid.

NO. SOALAN : 32

Selain daripada itu, kelab ini juga dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan murid pelbagai kaum. Sehingga 28 Februari 2019, sebanyak 3,292 KRN telah ditubuhkan di sekolah rendah dengan penglibatan murid seramai 83,204 orang manakala di sekolah menengah pula terdapat 1,610 KRN dengan penglibatan murid seramai 60,854 orang.

Pengetua dan guru besar sememangnya berperanan besar dalam menerapkan nilai perpaduan secara holistik, berterusan dan menjadi budaya dalam kalangan warga sekolah dengan menggalakkan aktiviti berbentuk perpaduan merentasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, Hal Ehwal Murid dan Ko-kurikulum.

Walau bagaimanapun, usaha ini tidak harus terhenti di peringkat sekolah sahaja. Semua pihak termasuk Persatuan Ibu Bapa-Guru, badan bukan kerajaan, syarikat swasta dan komuniti perlu bersama-sama dengan pihak sekolah terlibat dan bekerjasama menawarkan perkhidmatan dan sokongan dalam program berbentuk perpaduan untuk membina masyarakat yang bersatu padu.

Sekian, terima kasih

RJM 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian dalam menubuhkan sebuah sistem untuk menguruskan sisa elektronik isi rumah serta rangka kerja perundangan baharu untuk mengawal selia "stakeholders" yang berkaitan; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian memastikan syarat-syarat "Basel Convention" dikuatkuasakan bagi melarang pengimportan sisa elektronik ke negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian sedang meneliti dan menyediakan Peraturan Buangan Elektrikal dan Elektronik Terjadual 20XX yang merangkumi pengawal seliaan terhadap enam (6) barangan buangan elektrikal dan elektronik iaitu peti ais, mesin basuh, penghawa dingin, televisyen, komputer dan telefon bimbit dari isi rumah.

Buangan elektrikal dan elektronik adalah diklasifikasikan sebagai buangan terjadual di bawah kod SW 110, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

(b) Pengimportan buangan terjadual ini dikawal selia berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974 yang secara langsung memenuhi keperluan obligasi sebagai Negara Parti kepada Konvensyen Basel mengenai Kawalan Pergerakan Buangan Berbahaya Merentasi Sempadan dan Pelupusan.

Pengimportan mana-mana buangan elektrikal dan elektronik adalah dikawal selia berdasarkan penetapan beberapa kriteria seperti berikut:

- (i) dilarang untuk tujuan pelupusan;
- (ii) notifikasi dikemukakan kepada negara pengimport dari negara pengeksport melalui *Competent Authority* Konvensyen Basel;
- (iii) pengimportan dari negara *Annex VII - The Organisation for Economic Co-Operation & Development* (OECD) adalah dilarang memandangkan Malaysia telah menanda tangani *Ban Amendment* di bawah Konvensyen Basel;

NO. SOALAN : 33

- (iv) pengimportan dari Negara Bukan Pihak kepada Konvensyen Basel termasuk negara *Annex VII* (OECD) adalah dilarang kecuali mempunyai perjanjian/ *bilateral agreement* tertentu;
- (v) digunakan untuk aktiviti pemerolehan kembali (*recovery rate*) yang mempunyai sekurang-kurangnya 95% pemerolehan kembali;
- (vi) pengimport adalah premis yang dilesenkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 dan mempunyai rekod pematuhan premis yang baik;
- (vii) premis pengimport hendaklah mematuhi prinsip-prinsip *Environmental Sound Manner* (ESM) dalam pengendalian buangan yang dihasilkan dari aktiviti pemerolehan kembali; dan
- (viii) mempunyai perjanjian antara *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dengan premis pengimport di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah kadar pengangguran di kalangan siswazah di dalam negara pada tahun 2016, 2017 dan 2018 serta apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka.

PN-1412- L03041

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran siswazah pada tahun 2016 mencatatkan kadar 4.1% (131,600 orang), 2017 mencatatkan kadar 4.0% (137,400 orang) dan suku tahun keempat 2018 adalah 4.3% (158,000 orang).

2. Bagi membantu siswazah mendapatkan pekerjaan, Kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha berikut:-
 - (i) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk siswazah untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja. Di bawah RMKe-11, menaik taraf sistem portal pekerjaan *JobsMalaysia* merupakan salah satu projek pembangunan Kementerian Sumber Manusia;

 - (ii) Menganjurkan program penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi

SOALAN NO: 34

tempoh Januari – Disember 2018, Program Penempatan Pekerjaan telah berjaya menempatkan seramai 168,677 orang pencari kerja merangkumi siswazah;

- (iii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan;
- (iv) Memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri seperti Skim Protege yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan. Sebagai contoh, Kerajaan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) memperuntukkan RM20 juta dalam bentuk geran sepadan bagi program *Apprenticeship* dan *Graduate Enhancement Programme For Employability* (GENERATE). Program ini bertujuan membantu graduan menganggur mendapat latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri, selain meningkatkan penawaran pekerja berkemahiran dengan sasaran memanfaatkan 4,000 belia lepasan sekolah dan

graduan; dan

3. Kerajaan yakin semua langkah yang telah dilaksanakan dijangka dapat membantu siswazah mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan lagi kadar pengangguran negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah umum yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan objektif RMK-11 untuk mendekatkan jurang pembangunan antara wilayah akan dapat dicapai, khususnya dalam memastikan cukup pelaburan masuk ke negeri Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha memastikan pembangunan yang seimbang antara wilayah. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) di bawah Tonggak ke-3 iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang telah mengenalpasti bidang keutamaan dan strategi untuk mengurangkan jurang pembangunan wilayah merentas semua negeri. Ini bagi membolehkan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik untuk memastikan pertumbuhan saksama demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.
2. Bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah, Kerajaan akan mempergiat usaha untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi dan menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah melalui beberapa strategi dan inisiatif yang telah dikenal pasti. Antara inisiatif tersebut termasuk memberi tumpuan kepada negeri-negeri kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis melalui pengagihan peruntukan yang lebih baik bagi memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang antara negeri. Selain itu, inisiatif pembangunan seperti penyediaan infrastruktur yang lebih baik, peningkatan ketersambungan serta penggunaan ekonomi digital akan terus dipergiat bagi menarik lebih banyak pelaburan serta merangsang ekonomi di negeri kurang membangun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi turut memberi penekanan kepada pelaksanaan projek-projek fizikal berimpak tinggi dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Antara projek berimpak tinggi di negeri Perlis yang telah diluluskan dalam RMKe-11 adalah pembangunan infrastruktur Lembah Chuping (CVIA), kemudahan infrastruktur Perlis Inland Port di kawasan pembangunan Lembah Chuping, penubuhan Universiti Kuala Lumpur Asia Sustainable Transportation Institute (UNIKL ASTI) dan projek

menaiktaraf Empangan Timah Tasoh Fasa 3. Keseluruhan peruntukan pembangunan yang diluluskan di bawah Rolling Plan 4 (2019) bagi negeri Perlis turut meningkat kepada RM319 juta berbanding RM233 juta di bawah Rolling Plan 3 (2018). Melalui peruntukan pembangunan ini, ia bakal membantu menarik lebih banyak pelaburan berkualiti serta merangsang pertumbuhan dan meningkatkan daya saing ekonomi di negeri Perlis.

4. Dalam aspek pelaburan yang direalisasi bagi negeri Perlis, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM30.3 juta bagi tahun 2016, RM17.1 juta untuk tahun 2017 dan RM15.88 juta untuk tahun 2018. Pada masa yang sama, Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan terus mempergiat usaha mempromosi pelaburan bagi menggalakkan pelaburan asing dan domestik. Selain itu, MIDA turut menyediakan insentif cukai kepada pelabur yang memilih untuk melabur di kawasan kurang membangun. Usaha ini dilihat dapat menarik lebih banyak pelaburan masuk ke negeri-negeri kurang membangun dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan yang lebih seimbang antara wilayah.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

21 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 36

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil dan manfaat lawatan Ketua Polis Negara dan delegasi ke Turki dan sejauh mana tajaan yang diberikan oleh syarikat perjudian Da Ma Cai tidak akan menimbulkan konflik kepentingan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara bersama 12 orang lagi pegawai kanan polis adalah lawatan rasmi yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

SOALAN NO : 36

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut:-

i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;

ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;

iii) 1- 6 Mei 2014- Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00; dan

iv) Pada 16 Mac 2017- Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang diperolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut:-

- a) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- b) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan

c) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:-

i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasan, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara “*on course*” atau “*off Course*” di kelab-kelab lumba kuda;

ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;

iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini; dan

iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembanterasan pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PENGAL KEDUA, MESYUARAT PERTAMA 2019**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Malaysia bersedia menyertai *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) dan apakah sebab penangguhan penyertaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Antara objektif utama penglibatan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) termasuk Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) adalah untuk meningkatkan daya saing global Malaysia di arena perdagangan antarabangsa di samping memastikan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia mendapat akses pasaran yang lebih baik. Ini adalah selaras dengan visi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih dan menjadi antara negara pedagang yang paling berdaya saing pada tahun 2020.

SOALAN NO : 37

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam Dewan Yang Mulia ini sebelum ini, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) pada 8 Mac 2018 bersama 10 lagi negara anggota lain iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura and Viet Nam. Melalui Perjanjian CPTPP, eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia bakal mendapat layanan yang lebih baik di kalangan negara anggota CPTPP.

3. Selaras dengan terma kuatkuasa pelaksanaan atau *entry into force*, (dengan izin), Perjanjian CPTPP telah dikuatkuasa bermula pada 30 Disember 2018 bagi tujuh negara anggota yang telah memuktamadkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand yang bertanggungjawab sebagai *depository*, (dengan izin). Sehingga kini, negara-negara anggota yang telah melaksanakan CPTPP adalah Jepun, Mexico, Singapura, New Zealand, Kanada, Australia dan Viet Nam.

4. Malaysia dan negara anggota lain yang telah menandatangani CPTPP tetapi masih belum memuktamadkan proses domestik untuk meratifikasi CPTPP, pada masa ini belum menerima sebarang manfaat di bawah Perjanjian CPTPP serta tidak tertakluk kepada sebarang obligasi CPTPP sehingga proses ratifikasi selesai khususnya di pasaran baharu negara Kanada, Mexico dan Peru.

5. Bagi meraktifikasi Perjanjian ini, Malaysia perlu memuktamadkan proses domestik termasuk pindaan ke atas 19 Undang-undang berkaitan yang telah dikenal pasti oleh Kementerian terlibat. Setakat hari ini, 3 pindaan Undang-undang telah diluluskan oleh Parlimen iaitu:

- i. Akta Agensi Pekerjaan Swasta (1981);
- ii. Akta Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia (2009); dan
- iii. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

Tuan Yang Dipertua,

6. Walau bagaimanapun, memandangkan Perjanjian CPTPP juga meliputi perkara-perkara yang berhubungkait dengan pematuhan piawaian antarabangsa serta isu-isu sensitif seperti hak harta intelek, perolehan kerajaan serta pelaburan, Kerajaan pada hari ini perlu memastikan bahawa perjanjian ini tidak memberi kesan negatif kepada negara, khususnya dalam memastikan Kerajaan mempunyai ruang yang mencukupi untuk merancang serta melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan untuk memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada kepada golongan sasar.

7. Justeru, tiada tempoh khusus yang ditetapkan untuk Malaysia untuk meratifikasi Perjanjian CPTPP memandangkan Kerajaan memerlukan masa untuk meneliti Perjanjian ini bagi memastikan sebarang keputusan yang diambil mengenai CPTPP akan memberi manfaat kepada Malaysia secara keseluruhannya. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian-kementerian terlibat juga sedang menilai kepentingan Perjanjian ini kepada Malaysia di samping melaksanakan pindaan ke atas Undang-undang berkaitan. Keputusan muktamad mengenai kesediaan Malaysia meratifikasi Perjanjian CPTPP akan dibuat oleh YAB Perdana Menteri, berdasarkan maklumbalas daripada Kementerian-kementerian dan perkembangan terkini.

Tuan Yang Dipertua,

8. Kerajaan akan terus memastikan bahawa semua FTA yang melibatkan Malaysia bukan sahaja menggalakkan perdagangan bebas malah bersifat adil serta mengambilkira keperluan negara-negara membangun seperti Malaysia yang memerlukan dasar-dasar tertentu untuk mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 38

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan segera kepada pemilik premis yang meletak halangan pada petak letak kenderaan tanpa kebenaran serta kaedah dan cara mengurangkan pemilikan petak parkir yang melibatkan beberapa petak sewa khas yang diperuntukkan kepada pemilik premis sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tapah, kemudahan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melibatkan tempat letak kereta awam dan tidak termasuk tempat letak kereta persendirian. Ini termasuklah tempat letak kereta bermeter bahu jalan yang melibatkan jalan-jalan awam berjumlah lebih kurang 40,000 petak di seluruh Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tapah juga, halangan pada petak letak kereta sering kali dilakukan oleh pemilik perniagaan dengan meletakkan halangan seperti kon, papan tanda, kerusi/bangku, *water barrier* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa menjalankan operasi ke atas kesalahan tersebut dengan melaksanakan tindakan pindah halangan ke atas barangan tersebut.

Berdasarkan statistik tindakan bagi tahun 2018 sehingga Januari 2019, sebanyak 90 operasi telah dijalankan dengan barangan yang dialihkan berjumlah 632. Tindakan ini akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan pemilik perniagaan tidak menyalahgunakan petak letak kereta.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memproses permohonan penyewaan petak khas kepada pemilik perniagaan berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 15 (1), Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016. Seksyen ini menyatakan bahawa Datuk Bandar boleh menyediakan apa-apa bilangan ruang letak kereta khas dalam tempat letak kereta bermeter.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan 3,626 petak khas iaitu 9% daripada jumlah petak letak kereta bahu jalan di seluruh kawasan Kuala Lumpur kepada pemilik perniagaan.

Walau bagaimanapun, bermula bulan November 2018 hingga sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menangguhkan kelulusan baru dan pembaharuan penyewaan petak khas di seluruh kawasan Kuala Lumpur bagi menyemak dan mengkaji semula proses permohonan penyewaan petak khas. Dalam hal ini, permohonan baru penyewaan petak khas tidak lagi diproses manakala semua petak khas yang telah tamat tempoh penyewaan tidak lagi dilanjutkan penyewaannya. Tindakan dijalankan ke atas petak khas dengan memadamkan garisan petak khas serta membuka palang besi berdasarkan kepada tamat tempoh penyewaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 39

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) senarai bilangan penerima bantuan BSH (termasuk RM100 untuk golongan bujang) dan anggaran perbelanjaan mengikut pecahan kawasan Parlimen di setiap negeri; dan
- (b) menjelaskan inisiatif Kerajaan untuk membantu golongan nelayan dan petani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
2. Bayaran bagi fasa pertama BSH 2019 bagi kategori isi rumah sebanyak RM300 yang telah dibuat pada 28 Januari 2019 dan kategori bujang sebanyak RM100 pada hujung bulan Mac 2019 adalah berdasarkan pangkalan data BSH 2018. Perlu ditegaskan bahawa bayaran kepada kategori bujang merupakan bayaran awal dan bayaran selanjutnya akan dikaji semula dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk membuat keputusan. Pecahan penerima fasa pertama BSH 2019 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PENERIMA (‘000)
Johor	834
Kedah	603
Kelantan	514
Melaka	217
Negeri Sembilan	276
Pahang	400
Perak	696
Perlis	74
Pulau Pinang	378
Sabah	644
Sarawak	738
Selangor	952
Terengganu	347
W.Persekutuan	336
JUMLAH	7,009

3. Secara keseluruhan, bayaran BSH 2019 fasa pertama telah memanfaatkan sehingga 4 juta isi rumah dan 3 juta individu dan melibatkan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion. Selain itu, sebanyak 1.2 juta pelajar IPTA dan IPTS menerima Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi sebanyak RM100 seorang. Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sehingga 3 Mac 2019, lebih daripada 1.5 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 310,000 permohonan baharu dan 1.2 juta permohonan kemas kini. Disebabkan tarikh pendaftaran/pengemaskinian BSH 2019 baru sahaja berakhir pada 15 Mac 2019, jumlah sebenar permohonan masih belum dikenal pasti. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Dalam Belanjawan 2019, peruntukan yang disediakan bagi tujuan bayaran insentif dan bantuan untuk nelayan adalah sebanyak RM102.0 juta dengan pecahan seperti berikut:

1. Insentif Bersasar Nelayan (termasuk Insentif Hasil Tangkapan Nelayan, Elaun Sara Hidup Nelayan, Pengurusan dan Skim Bantuan Bencana Alam) - RM98.5 juta; dan
2. Elaun Sara Hidup Nelayan Darat - RM3.5 juta.

6. Bagi petani pula, sejumlah RM1,105.5 juta disediakan dalam Belanjawan 2019 bagi tujuan subsidi, insentif dan bantuan dalam sektor padi meliputi:

- i. Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) - RM516.5 juta;
- ii. Insentif Benih Padi Sah (IBPS) - RM75.0 juta;

- iii. Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) - RM232.5 juta; dan
- iv. Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - RM281.5 juta.

7. Bagi meningkatkan taraf ekonomi petani dan nelayan, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan tambahan MOA bagi tahun 2019 iaitu:

- 1. Kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) meningkat dari RM300/tan metrik kepada RM360/tan metrik yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM131.6 juta; dan
- 2. Elaun Sara Hidup Nelayan meningkat dari RM150 ke RM200 sebulan yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM27.3 juta. Para petani dan nelayan ini juga kebanyakannya menerima bayaran Bantuan Sara Hidup (BSH). Komitmen MOA di dalam membantu golongan nelayan dan petani juga dinyatakan di dalam hala tuju prioriti dan strategi kementerian untuk tahun 2019-2020 untuk menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda. Ianya dinyatakan di dalam 3 strategi yang diperkenalkan iaitu:
 - 1. Peningkatan Pendapatan dan Menjaga Kebajikan Petani
 - 2. Pembangunan Kapasiti Petani, Nelayan dan Usahawan Tani yang Mampan
 - 3. Pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP

TARIKH : 21.03.2019

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana Kementerian menangani masalah penjualan barangan tiruan melalui *online* ataupun internet memandangkan perniagaan di atas talian ini semakin mendapat sambutan masyarakat dan pengguna. Nyatakan jumlah aduan pengguna yang terpedaya dan tertipu oleh syarikat-syarikat atau individu yang menjalankan perniagaan di dalam talian serta bagaimana perancangan Kementerian untuk memastikan kerangka perundangan lebih efektif dikuatkuasakan ke atas perniagaan dalam talian bagi melindungi pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melaksanakan penguatkuasaan terhadap laman perniagaan dalam talian dengan menjalankan naziran dan bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan dalam talian, memantau secara proaktif dan responsif ke atas aktiviti perniagaan dalam talian serta bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan CyberSecurity Malaysia bagi menangani pelbagai isu melibatkan transaksi dalam talian.

Jumlah aduan pengguna yang melibatkan transaksi dalam talian yang diterima oleh Kementerian pada tahun **2019** adalah sebanyak **670 aduan**. Kementerian sentiasa giat membanteras penjualan barangan tiruan termasuk barang yang dijual secara dalam talian. Kawal seliaan terhadap perniagaan dalam talian telah diperkukuhkan melalui

Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.

Peraturan ini digubal untuk memberikan ketelusan dalam urusan niaga perdagangan elektronik dan sebagai salah satu langkah bagi mengekang perbuatan penipuan kepada pengguna. Manakala **Akta Perlindungan Pengguna 1999** telah dipinda pada tahun 2007 di bawah Seksyen 2 bagi melindungi pengguna yang menjalankan transaksi dalam talian dan pada masa yang sama untuk meningkatkan keyakinan pengguna membeli secara dalam talian.

Selain itu, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan pensijilan digital iaitu **SSM BizTrust** kepada peniaga dalam talian dengan tujuan untuk melindungi pengguna dan mengekang aktiviti penipuan oleh peniaga yang menawarkan produk atau perkhidmatan secara dalam talian.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini sedang menyiapkan penyediaan **Panduan Menjalankan Perniagaan eDagang Kepada Peniaga** untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada peniaga dalam talian. Panduan ini merangkumi undang-undang yang perlu dipatuhi oleh peniaga dalam talian, tips bagi memulakan perniagaan dalam talian dan juga maklumat-maklumat umum yang berkaitan dengan perniagaan dalam talian. Panduan ini bukan sahaja sebagai sumber rujukan kepada peniaga malah boleh dijadikan rujukan kepada pengguna sebagai senarai semak yang perlu ada pada peniaga dalam talian tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 41

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah Kad Pengenalan (MyKad) baru yang dikeluarkan untuk warga Malaysia di Sabah sejak Mei 2018 hingga kini; dan
- (b) berapa ramaikah yang disabit kesalahan di mahkamah kerana memiliki kad pengenalan palsu (MyKad) di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari bulan Mei 2018 hingga 15 Februari 2019, JPN telah mendaftarkan sejumlah 39,640 kad pengenalan MyKad baru (permohonan pertama kali) di negeri Sabah. Semakan ke atas rekod Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, JPN dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, sejumlah 19 kes memiliki kad pengenalan MyKad palsu telah didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah negeri Sabah. Kesalahan ini adalah tertakluk di bawah Peraturan 25 (1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 42

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan nama-nama mereka yang melarikan diri yang ingin dibawa pulang ke Malaysia untuk dihadapkan ke mahkamah, termasuk Low Taek Jho dan Paul Stadlen, dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan mereka dibawa pulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan supaya pihak PDRM memfailkan pertuduhan Jenayah di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 pada 24 Ogos 2018 dan 4 Disember 2018 terhadap individu-individu berikut:-

Nama	No Kad Pengenalan	Tarikh Red Notice diperolehi
Low Taek Jho	811104-07-5701	11/06/2018
Tang Keng Chee	650207-10-6975	04/01/2019
Tan Kim Loong	780213-14-6207	04/01/2019
Loo Ai Swan	730313-14-5160	04/01/2019
Geh Choh Heng	710905-10-5453	05/02/2019
Low Hock Peng	520220-71-5059	Dalam proses pihak INTERPOL

Kesemua suspek masih bebas dan belum dapat dikesan dan dipercayai berada di luar negara. PDRM masih berusaha untuk mengesan mereka dengan pelbagai cara termasuk melalui bantuan dengan pihak Agensi Penguatkuasa Luar Negara. Selain itu PDRM juga telah memasukkan suspek dalam “*Red Notice*” INTERPOL untuk mengesan suspek berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS ABD HAMID (KEMAMAN)

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 43

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah dapat direalisasikan pembinaan Balai Polis Daerah Kemaman yang baru dan mahkamah baru daerah Kemaman

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman, Terengganu telah dibina pada bulan Disember tahun 1977 di Lot 1786, Mukim Chukai, Kemaman, Terengganu dengan keluasan tanah 2.462 ekar / 0.9963 hektar. Bangunan IPD Kemaman berkongsi kawasan dengan Balai Polis Chukai, Kemaman, Terengganu. IPD ini beroperasi dengan perjawatan seramai 363 orang yang diketuai oleh Ketua Polis Daerah berpangkat Superintendan (SUPT).

Pada ketika ini, pihak Kementerian sedang memberi tumpuan dan keutamaan kepada projek pembinaan balai polis dan kuarters mengikut keperluan dalam membendung aktiviti jenayah dan memastikan tahap keselamatan terjamin. Disamping itu, keutamaan juga diberikan kepada tempat tinggal anggota polis yang uzur dan perlu dibaiki demi kebajikan anggota. Cadangan projek ini akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk dilaksanakan setelah semakan keutamaan dibuat.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN CHAN FOONG HIN**
[KOTA KINABALU]

TARIKH : **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

SOALAN : **44**

YB TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status kajian semula keberkesanan peranan ESSCOM khususnya dari segi "*chain of command*" di antara pelbagai agensi (tentera, polis, maritim, dll) supaya ESSCOM lebih berkesan dalam mengawal keselamatan perairan Pantai Timur Sabah.

JAWAPAN : **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) telah selesai mengadakan Sesi Konsultasi Khas bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), agensi-agensi awam negeri Sabah dan 10 Pejabat Daerah pada 22 hingga 25 Januari 2019. Tinjauan ke Fusion Center ESSCOM di Lahad Datu juga diadakan pada 14 Februari 2019. Sesi konsultasi khas tersebut diadakan bertujuan untuk mendapatkan penjelasan, cadangan dan ulasan daripada agensi-agensi keselamatan dan agensi-agensi awam yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan tugas, operasi dan gerak kerja di ESSZone. Pihak MKN,JPM akan membentangkan hasil kajian beserta syor dan strategi tindakan kepada Sidang MKN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

SOALAN : 45

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan dan strategi-strategi khas Kementerian untuk menangani lambakan penagih dadah di penempatan luar bandar yang semakin membimbangkan; dan
- (b) adakah ada cadangan untuk membangunkan satu kawasan perkampungan khusus untuk dijadikan pusat pemulihan penagih dadah secara berpusat di setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Baling dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dalam masyarakat termasuk di peringkat kawasan penempatan luar bandar dan telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan pemulihan dadah.

Masalah dadah di negara kita adalah terkawal, dengan jumlah penagih dadah yang dikesan, meningkat dari tahun 2013 ke 2016, iaitu pada tahun 2013 seramai 20,887 orang, tahun 2014 seramai 21,777 orang, tahun 2015 seramai 26,668 orang dan tahun 2016 seramai 30,844 orang. Walau bagaimanapun, jumlah penagih dadah yang dikesan pada tahun 2017 telah menurun sebanyak 16% berbanding tahun 2016, iaitu seramai

SOALAN NO : 45

25,922 orang dan terus menurun sebanyak 2.5% pada tahun 2018 iaitu seramai 25,267 orang penagih dadah yang dikesan.

Bagi menjawab soalan (a), langkah strategik yang telah diambil oleh Kerajaan adalah melalui pelaksanaan Dasar Dadah Negara yang telah diluluskan pada tahun 2017. Matlamat Dasar Dadah Negara (DDN 2017) adalah mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat, mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. DDN 2017 juga dijadikan sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah di semua peringkat pelaksanaan seluruh negara. Dasar ini mempunyai lima (5) teras strategi utama iaitu Teras Pendidikan Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Pengurangan Kemudaratan serta Teras Kerjasama Antarabangsa.

Di samping itu, Kerajaan juga mengukuhkan strategi penguatkuasaan membanteras dadah yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan memberi tumpuan kepada aktiviti pengedaran dadah manakala Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memberi fokus kepada aktiviti pendidikan pencegahan dadah, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan terhadap penagih dadah. AADK juga menjalankan program *outreach* bagi menggalakkan penagih dadah mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang bersesuaian.

Langkah strategik selanjutnya adalah dengan menambah baik program pencegahan dan pemulihan melalui program *Community Empowerment*. Program ini berasaskan komuniti yang menggerakkan masyarakat setempat serta NGO dalam menangani permasalahan penagihan dadah menerusi peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat seperti berikut:

- i. Penerimaan, iaitu masyarakat bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani kepulihan (*recovering addicts*);
- ii. Membantu dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*;
- iii. Sokongan sosial sama ada daripada keluarga, pemimpin komuniti

dan masyarakat umum terhadap *recovering addicts*; dan

- iv. Menerima secara berterusan terhadap perjalanan kepulihan (*recovery journey*) *recovering addicts* supaya mereka tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor pengulangan penyalahgunaan dadah (*relapse*).

Selaras dengan kempen Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melalui program *Community Empowerment*, AADK telah mengenal pasti 178 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara. Hampir 30%, iaitu 53 kawasan tersebut berada di kawasan luar bandar yang terdiri daripada 2,335 buah kampung dan 47 tanah rancangan.

Sepanjang tahun 2018, di bawah kempen PDH, sebanyak 1,587 program *Community Empowerment*, 2,310 program *Omnipresence*, 1,288 Operasi Cegah, 470 Operasi Bersepadu, 402 Program Ikon Antidadah dan 7,851 program promosi antidadah melalui media konvensional dan media baharu telah dilaksanakan di kawasan luar bandar tersebut.

Bagi menjawab **soalan (b)**, buat masa ini, tidak terdapat cadangan untuk membangunkan satu kawasan perkampungan khusus untuk dijadikan pusat pemulihan penagih dadah secara berpusat di setiap negeri. Ini adalah kerana proses pemulihan penagih dadah memerlukan persekitaran yang supportif and tidak berbentuk pengasingan semata-mata. Justeru, Kerajaan telah memberi perkhidmatan melalui fasiliti rawatan dan pemulihan AADK yang ditubuhkan di seluruh negara iaitu melalui 21 buah *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC), 11 buah Klinik *Cure and Care*, 37 buah *Cure and Care Service Centre* (CCSC), 19 buah Pusat Integrasi Klien dan 76 buah *Caring Community House* (CCH). Selain itu, perkhidmatan ini juga disediakan oleh 55 buah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang ditubuhkan oleh pihak swasta dan badan-badan bukan Kerajaan. Dengan adanya semua fasiliti ini, keperluan untuk rawatan dan pemulihan penagih dadah, samada melalui perintah mahkamah atau secara sukarela di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, adalah memadai untuk menampung keperluan pada masa ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY
SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pencapaian Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen di Sarawak dan adakah Kementerian bercadang akan meneruskan atau menambah baik Majlis ini untuk membantu aktiviti pertanian di kawasan-kawasan luar bandar yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) telah dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kos keseluruhan sebanyak RM44.3 juta sepanjang RMKe-10. Sebanyak 222 MPPP telah ditubuhkan di seluruh kawasan Parlimen seluruh negara bagi pelaksanaan program dari tahun 2009 sehingga 2014. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan diberikan pada RMKe11 dan pelaksanaan program ini diteruskan dengan menggunakan peruntukan sedia ada.

Program Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) di Sarawak melibatkan kesemua 31 kawasan Parlimen. Sebanyak **288 program** telah dibangunkan bagi merangsang **sektor pertanian** misalnya seperti pemberian input baja dan juga bantuan peralatan pertanian. Bagi **sektor ternakan**, sejumlah **84 program** telah dilaksanakan seperti pembekalan benih, baka beserta makanan ternakan dan pembinaan kandang bagi golongan penternak luar bandar. Bagi **sektor perikanan** pula sebanyak **78 program** telah dilaksanakan meliputi penerimaan peralatan-peralatan nelayan dan juga benih ikan. Seterusnya program pembekalan peralatan pemprosesan makanan, industri asas tani, program pengembangan adalah sebanyak **140 program**.

Sehubungan itu, Program MPPP ini tidak diteruskan memandangkan tiada peruntukan yang diterima daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kanak-kanak bukan warganegara yang mendaftarkan diri di sekolah Kerajaan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti pada 31 Januari 2019, kanak-kanak bukan warganegara yang mendaftarkan diri di sekolah di bawah kendalian KPM adalah seramai 32,490 orang.

Tiga (3) buah negeri yang mencatatkan bilangan murid bukan warganegara berdaftar yang tertinggi ialah di Sabah (8,633 orang murid); Selangor (6,591 orang murid); dan Johor (4,645 orang murid).

Sekian, terima kasih

RJM 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah untuk menghapuskan pukut tunda sepenuhnya yang telah terbukti memberi kesan buruk kepada sumber ikan negara dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan pantai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pemansuhan sepenuhnya penggunaan pukot tunda di zon B menjelang tahun 2020, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah melaksanakan langkah-langkah kawalan secara berperingkat seperti berikut:

- i. Membatalkan arahan kelonggaran penguatkuasaan saiz mata pukot keroncong pukot tunda tidak kurang daripada 38 mm yang berkuatkuasa pada 1 November 2013.
- ii. Mewajibkan pemasangan Alat *Automatic Identification System* (AIS) pada semua vesel pukot tunda zon B bertujuan untuk memantau pergerakan vesel pada zon yang telah ditetapkan.
- iii. Mengezon semula kawasan penangkapan ikan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang berkuatkuasa pada 11 Ogos 2014.
- iv. Menaikkan kadar kompaun dan hukuman gantung lesen dan minyak subsidi bagi kesalahan menceroboh 5 batu nautika dari pantai.
- v. Menggunakan *Malaysia Acetes Efficiency Device* (MAEDS) ke atas vesel Pukat Tunda Udang Baring supaya hanya udang baring sahaja yang ditangkap.
- vi. Mensyaratkan permohonan ganti kulit vesel pukot tunda zon B seperti berikut:
 - a) Ganti kulit pukot tunda zon B hendaklah disyaratkan melebihi 40 – 66.99 GRT dan bertukar ke zon yang lebih tinggi iaitu Zon C sekiranya ingin kekal dengan kaedah pukot tunda.
 - b)

SOALAN NO. : 48

- c) Jika pemilik vessel bermuatan kurang 40GRT ingin ganti kulit didalam zon yang sama, maka pemilik hendaklah menukar peralatan kepada selain daripada pukot tunda seperti pukot jerut atau lain-lain peralatan tradisional.
 - d) Sekiranya pemilik tidak berkeupayaan untuk ganti kulit dan ingin kekal dengan vesel asal dan dengan mengusahakan peralatan pukot tunda maka muatan vesel hendaklah berukuran 20 GRT dan keatas perlu bertukar ke zon C.
- vii. Mensyaratkan permohonan pindah milik vesel pukot tunda zon B seperti berikut:
- a) Pindah milik dalam zon yang sama tidak dibenarkan.
 - b) Sekiranya pemilik hendaklah juga pindah milik dan kekal di zon yang sama, maka peralatan perlu ditukar kepada peralatan lain selain daripada pukot tunda iaitu pukot jerut atau peralatan tradisional.
 - c) Sekiranya, pemilik ingin pindah milik dan kekal dengan peralatan pukot tunda, vesel hendaklah berpindah ke zon C.

Selain itu, sesi libat urus turut dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan bagi memberi kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan pengurusan sumber perikanan yang mapan. Pada tahun 2018, sebanyak 41 sesi libat urus telah diadakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : **21 MAC 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian ada perancangan untuk memajukan dan menaikkan semula Gunung Ledang sebagai salah sebuah destinasi pelancongan “*eco tourism*”.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Segmen ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang akan diberi keutamaan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam membangun dan mempromosikan sektor pelancongan di negara ini. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, kementerian telah merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangun dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan.

Bagi konteks Negeri Johor, Kementerian memfokuskan kepada produk pelancongan yang berasaskan ekopelancongan dan menonjolkan kepelbagaian budaya dan adat warisan di Negeri Johor. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 6 kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan telah dikenalpasti. Salah satu kluster yang akan dibangunkan adalah Kluster Ekopelancongan Tangkak-Sagil-

Gunung Ledang yang merangkumi produk ekopelancongan terkenal Gunung Ledang.

Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan di Gunung Ledang dan kawasan sekitarnya akan dapat dibangunkan secara holistik dan meliputi inisiatif *community based tourism* dalam kluster tersebut.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM5.6 juta bagi projek pembangunan di Negeri Johor. Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan di Negeri Johor. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di Ledang.

Bagi tujuan tersebut, Yang Berhormat disyorkan membuat permohonan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini Matang sebagai kawasan wabak anjing gila (Rabies) susulan pada 14 Januari 2019 yang lalu, Mukim Taiping, Bukit Gantang pula diwartakan sebagai kawasan terbaru wabak ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penularan wabak jangkitan anjing gila ini agar tidak berulang pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Kawalan Wabak Rabies di Mukim Taiping dan Bukit Gantang telah bermula pada 15 Januari sehingga 20 Februari 2019 iaitu selama 37 hari yang merangkumi aktiviti *mass vaccination*, program persampelan, pemusnahan haiwan serta kempen kesedaran dalam lingkungan 10 km radius daripada titik lokasi pertama iaitu Taman Sri Kota, Fasa II, Taiping. Dalam tempoh program tersebut, sebanyak empat (4) kes positif Rabies dikenalpasti dalam kawasan satu (1) km radius iaitu

SOALAN NO : 50

dua (2) kes di Taman Sri Kota, Fasa II, satu (1) kes di Tupai *Business Centre* dan satu (1) kes di Pekan Kampung Boyan. Sebanyak 127 sampel diuji dan didapati 123 sampel adalah negatif.

Dalam pada itu, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penularan wabak yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut: -

- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menjalankan surveilan penyakit Rabies secara berterusan melalui Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan dan bekerjasama dengan pihak KKM bagi notifikasi kes gigitan pada manusia;
- ii. DVS bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membangunkan pengkalan data penduduk serta pemetaan (*mapping*) bagi setiap negeri dan daerah untuk meningkatkan keberkesanan kawalan wabak Rabies dan menguatkuasakan undang-undang kecil termasuk pelesenan anjing serta menasihati pemilik haiwan untuk mengurung anjing di dalam rumah;
- iii. mengadakan kempen kesedaran awam dengan melibatkan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penerangan Negeri dalam menguar-uarkan risiko penyakit Rabies;
- iv. bekerjasama dengan pihak Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Ahli Majlis bagi aktiviti kawalan dan pembasmian penyakit dengan membantu hebahan kepada masyarakat melalui kumpulan media sosial seperti Whatsapp, Telegram dan Instagram; dan
- v. kerjasama dan perbincangan dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) untuk memahami tindakan kawalan penyakit Rabies dan peranan NGO dalam memastikan kawalan ini dapat dijalankan dengan berkesan, cepat dan tepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 51

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan mutakhir projek terbengkalai Plaza Rakyat yang masih belum dipulihkan sepenuhnya sehingga kini walaupun telah melalui berbagai proses untuk dipulihkan tetapi gagal, apakah cadangan Kementerian untuk memuktamadkan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pada asalnya projek ini merupakan projek usahasama di mana satu perjanjian telah ditandatangani pada 16 Disember 1992 antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Tetuan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB).

Walau bagaimanapun, pembinaan projek ini terhenti mulai tahun 1996 kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh PRSB. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi proses penamatan perjanjian tersebut pihak DBKL mengalami kesukaran dalam usaha untuk mendapatkan semula tanah ini akibat perintah injuksi dan proses timbangtara di mahkamah. Akhirnya, pada 6 November 2014 pihak DBKL berjaya memperoleh semula tanah tersebut.

SOALAN NO : 51

Bagi memulihkan semula projek plaza rakyat yang terbengkalai ini, pihak DBKL telah mengeluarkan surat tawaran bertarikh 9 April 2015 kepada Tetuan Profit Consortium Sdn. Bhd. melalui kaedah penjualan tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, projek Plaza Rakyat ini telah dibincangkan beberapa kali bersama pihak syarikat, DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Sehingga kini, pihak syarikat telah menjelaskan bayaran harga jualan sebanyak RM90 juta daripada keseluruhan harga jualan berjumlah RM700 juta. Bayaran seterusnya iaitu RM120 juta pula, pihak syarikat diberi tempoh sehingga 31 Mac 2019 ini untuk menjelaskan bayaran berkenaan. Baki bayaran RM490 juta pula, ianya sedang di peringkat perbincangan untuk dimasukkan dalam terma-terma baru bagi perjanjian tambahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak syarikat telah pun mematuhi syarat-syarat teknikal bagi pengeluaran Perintah Pembangunan. Pihak syarikat dalam proses untuk menjelaskan bayaran caj pembangunan, ISF dan deposit berjumlah RM114,473,000.00 iaitu selewat-lewatnya pada 31 Mac 2019 bagi membolehkan pengeluaran Perintah Pembangunan. Seterusnya, pihak syarikat perlu membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Perintah Pembangunan diperolehi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan 50% baki pelaksanaan Projek Waterfront di Sg. Papar. Projek ini sangat penting untuk Pekan Papar sebagai penarik pelancong dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, projek '*waterfront*' di Sungai Papar telah dilaksanakan sepanjang 250 meter daripada 500 meter panjang mengikut perancangan asal. Projek Fasa 1 sepanjang 250 meter tersebut mula dilaksanakan pada 16 Julai 2014 dan siap pada 23 Februari 2016 dengan kos berjumlah RM10 juta.

Untuk Fasa 2, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sabah telah membuat permohonan peruntukan untuk melaksanakan projek berkenaan. Permohonan berkenaan masih dalam pertimbangan Kementerian.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Klinik Kesihatan di Teluk Air Tawar dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan pernah dikemukakan untuk pertimbangan di dalam RMK11 *Rolling Plan* 3. Namun permohonan ini tidak diluluskan antara lain kerana terdapat projek mendesak yang perlu diberikan keutamaan di Pulau Pinang. KKM akan mempertimbangkan permohonan pembinaan klinik ini dalam RMK12 yang akan datang kepada Unit Perancangan Ekonomi.

Pada masa ini, perkhidmatan kesihatan penduduk di Teluk Air Tawar dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor disediakan oleh KKM menerusi 3 fasiliti kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Penaga yang jaraknya hanya 4 km dari lingkungan kawasan Teluk Air Tawar, Klinik Kesihatan Kepala Batas dan Hospital Kepala Batas yang berada dalam lingkungan kurang daripada 10km daripada kawasan Teluk Air Tawar. Ketiga-tiga fasiliti kesihatan yang sedia ada di kawasan berkenaan masih dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan di Teluk Air Tawar pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 54

YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk membenarkan pekerja migran tidak berdokumen, pasangan asing rakyat Malaysia dan orang pelarian bekerja di Malaysia.

JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia bukanlah Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Justeru, Malaysia tidak tertakluk kepada mana-mana perkara dan peruntukan di dalam kedua-dua instrumen antarabangsa ini, termasuklah dalam perkara membenarkan pemohon suaka ataupun pelarian untuk bekerja secara formal di dalam negara. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan “pelarian” yang memegang Kad UNHCR tinggal sementara. Bagi tujuan sara hidup, pelarian ini dibenarkan untuk bekerja sendiri atau di dalam sektor tidak formal [dalam tempoh maksimum tiga (3) tahun] di negara ini dalam pekerjaan bukan formal. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes” (*case-to-case basis*).
2. Bagi warganegara asing yang ingin bekerja di Malaysia, mereka perlu mematuhi peraturan dan undang-undang sedia ada yang telah ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 55

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan diterima di Negeri Sabah untuk Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan, bagi tahun 2018. Berapa banyak telah diluluskan dan siap diproses. Beri pecahan bagi setiap daerah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari bulan Januari 2018 hingga Disember 2018, JPN telah menerima sejumlah 55,628 permohonan Sijil Kelahiran dan 47,097 permohonan kad pengenalan Malaysia. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 55,319 Sijil Kelahiran dan 47,069 kad pengenalan telah diluluskan. Perincian mengenai jumlah permohonan kad pengenalan Malaysia dan Sijil Kelahiran di negeri Sabah yang diterima mengikut kategori kad dan Sijil Kelahiran adalah seperti berikut :

KATEGORI DOKUMEN	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN
MyKad	46,156	46,132
MyPR	37	37
MyKAS	904	900
JUMLAH KAD PENGENALAN	47,097	47,069
JUMLAH SIJIL KELAHIRAN	55,628	55,319

Manakala, perincian bagi tiga (3) jumlah permohonan tertinggi Sijil Kelahiran dan kad pengenalan Malaysia mengikut daerah di negeri Sabah adalah seperti berikut :

Sijil Kelahiran

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN
i.	Kota Kinabalu	12,828	12,706
ii.	Sandakan	7,430	7,385
iii.	Tawau	6,256	6,247

Kad Pengenalan

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN
i.	Kota Kinabalu	11,300	11,293
ii.	Sandakan	6,186	6,185
iii.	Tawau	5,177	5,172

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 21 MAC 2019

SOALAN : 56

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes dadah pada tahun 2018 mengikut negeri, kawasan Parlimen, bangsa dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi membentaras dan membasmi dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Puncak Borneo dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dalam masyarakat dan telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan pemulihan dadah.

Jumlah penagih dadah yang dikesan pada tahun 2018 adalah seramai 25,267 orang. Daripada jumlah ini, negeri Kelantan mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu seramai 4,153 orang, diikuti Kedah seramai 2,693 orang, Johor seramai 2,352 orang, Pulau Pinang seramai 2,303 orang, Selangor seramai 2,228 orang, Terengganu seramai 2,057 orang, Perak seramai 1,820 orang, Pahang seramai 1,749 orang, Negeri Sembilan seramai 1,374 orang, Kuala Lumpur seramai 1,223 orang, Sabah seramai 1,200 orang, Melaka seramai 736 orang, Sarawak seramai 693 orang, Perlis seramai 582 orang, Wilayah Persekutuan Labuan seramai 72 orang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya seramai 32 orang.

Daripada jumlah penagih dadah yang dikesan ini, bangsa Melayu mencatatkan jumlah tertinggi dengan 20,671 orang. Ini diikuti dengan bangsa India seramai 1,602 orang, bangsa Cina seramai 1,480 orang, Pribumi Sabah seramai 1,087 orang dan yang terendah, Pribumi Sarawak seramai 223 orang.

Kerajaan mengambil pelbagai langkah bagi membanteras dan membasmi dadah berasaskan Dasar Dadah Negara yang telah diluluskan pada tahun 2017. Ia merupakan suatu dasar yang holistik dan komprehensif yang boleh digunapakai selaras dengan peredaran masa. Matlamat Dasar Dadah Negara (DDN 2017) adalah mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat, mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Dasar ini mempunyai lima (5) teras strategi utama iaitu Teras Pendidikan Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Pengurangan Kemudaratan serta Teras Kerjasama Antarabangsa.

Dalam mengekang masalah dadah, tindakan penguatkuasaan membanteras dadah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang memberi tumpuan kepada aktiviti pengedaran dadah manakala Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memberi fokus kepada aktiviti pendidikan pencegahan dadah, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan terhadap penagih dadah. Di samping itu, AADK juga menjalankan program *outreach* bagi menggalakkan penagih dadah mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang bersesuaian.

AADK juga menambah baik program pencegahan dan pemulihan melalui program *Community Empowerment*. Program ini berasaskan komuniti yang menggerakkan masyarakat setempat serta NGO dalam menangani permasalahan penagihan dadah menerusi peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat seperti berikut:

- i. Penerimaan, iaitu masyarakat bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani kepulihan (*recovering addicts*);
- ii. Membantu dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*;
- iii. Sokongan sosial sama ada daripada keluarga, pemimpin komuniti dan masyarakat umum terhadap *recovering addicts*; dan
- iv. Menerima secara berterusan terhadap perjalanan kepulihan (*recovery journey*) *recovering addicts* supaya mereka tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor pengulangan penyalahgunaan dadah (*relapse*).

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dato' Sri Nancy Shukri**
[Batang Sadong]

TARIKH : **21 MAC 2019**

SOALAN : **57**

Dato' Sri Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil dan status terkini daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MA63 yang diadakan bersama Sarawak dan Sabah setakat hari ini.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".
2. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti

NO. SOALAN : 57

isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
 - b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
 - c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
 - d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
 - e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.
4. Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.
5. Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 56

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil perbincangan di antara Malaysia dan Singapura berkenaan dengan isu pertikaian ruang udara dan sempadan di antara kedua-dua negara. Apakah Singapura masih mengekalkan "Instrument Landing System" di Seletar yang menghala ke Pasir Gudang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada 1 Disember 2018, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) telah menyiarkan tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP) yang akan berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019, tanpa persetujuan Malaysia.
2. Susulan tindakan tersebut, pada 5 Disember 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menyerahkan Nota Bantahan kepada Singapura melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia. Nota Bantahan ini antara lain mendesak supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam SAIP.
3. Pada 12 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media yang antara lain menegaskan bahawa Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) tidak pernah bersetuju atau memberi sebarang kelulusan kepada CAAS terhadap penyiaran tatacara tersebut. Di samping itu, Malaysia turut mencadangkan supaya Singapura mewujudkan alternatif ILS untuk Landasan 03 di bahagian selatan Lapangan Terbang Seletar, Singapura tanpa perlu melalui ruang udara Pasir Gudang, Johor.
4. Pada 25 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menyiarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mewujudkan satu Kawasan Larangan Kekal (*permanent restricted area*) atau lebih dikenali sebagai R.A. di ruang udara Pasir Gudang, Johor (di antara 2,000 hingga 5,000 kaki) yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019.
5. Penyiaran NOTAM tersebut adalah selaras dengan *Article 9(a) Convention of International Civil Aviation 1944 (Chicago Convention)* yang membenarkan sesebuah negara untuk

mengisytiharkan '*restricted area*' atau '*prohibited area*' di ruang udara kedaulatannya atas sebab-sebab keperluan ketenteraan atau keselamatan awam. Ia juga adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM di bawah seksyen 24(o) Akta Penerbangan Awam 1969 untuk menyiarkan NOTAM berkenaan.

6. Pengisytiharan R.A adalah bagi membolehkan aktiviti ketenteraan dilaksanakan di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pengisytiharan tersebut juga boleh menghalang kemungkinan sebarang pencerobohan ruang udara kedaulatan negara.
7. Pewujudan R.A. ini turut tidak akan menjejaskan operasi penerbangan pesawat yang menggunakan tatacara visual approach sedia ada untuk pendaratan melalui Landasan 21 di bahagian utara di Lapangan Terbang Seletar, Singapura.
8. Berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar pada 3 Januari 2019, Malaysia mewujudkan R.A. berkenaan dengan menyiarkan NOTAM dengan mengambil kira tempoh sekurang-kurangnya 7 hari mengikut piawaian antarabangsa bagi penguatkuasaan bermula pada 2 Januari 2019 .
9. Sejurus rundingan antara YB Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Singapura pada 8 Januari 2019, kedua-dua prosedur ILS dan R.A. digantung secara serentak untuk tempoh sebulan agar penyelesaian terbaik dapat dicapai oleh kedua-dua pihak.
10. Pada mesyuarat peringkat Menteri Pengangkutan pada 23 Januari 2019, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melanjutkan pengantungan pelaksanaan ILS dan R.A. sehingga 31 Mac 2019 bagi memberi ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) dan Civil Aviation Authority Singapura (CAAS). Setakat ini, CAAM dan CAAS telah mengadakan empat (4) mesyuarat untuk membincangkan cadangan tatacara pendaratan alternatif iaitu *Required Navigation Performance* (RNP) bagi Lapangan Terbang Seletar.

11. Selanjutnya, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu kumpulan kerja untuk membincangkan tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura melalui Surat Perjanjian *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures and Overflights* (OLOA 1974). Terma rujukan bagi jawatankuasa ini sedang dirundingi oleh kedua-dua pihak.
12. Merujuk tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor yang selama ini (semenjak tahun 1974) diwakilkan kepada Singapura untuk tujuan penyediaan perkhidmatan kawalan trafik udara, pihak Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018, 22 dan 23 Januari 2019 juga telah memaklumkan Singapura berkenaan rancangan Malaysia untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya secara berperingkat, iaitu peringkat pertama dijangka sekitar akhir tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada tahun 2023.
13. Rancangan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyelaraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara pihak penyedia perkhidmatan pengemudian udara (air navigation services provider) di kedua-dua negara, demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, cekap dan teratur.
14. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberi perhatian utama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 59

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan “earmark” atau “ringfencing” dana yang dikutip daripada cukai eksais yang dikenakan ke atas alkohol dan produk tembakau (dijangka sebanyak RM6 bilion) untuk menyokong program kanser dan diabetes terutama sekali bagi golongan yang berpendapatan rendah, sebagaimana dilakukan oleh negara-negara jiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, duti eksais yang dikenakan ke atas produk tembakau dan alkohol adalah merupakan hasil cukai persekutuan. Selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan, semua hasil cukai termasuk duti eksais yang dikenakan ke atas produk tembakau dan alkohol adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Hasil-hasil ini pula kemudiannya diagih semula melalui peruntukan tahunan termasuk kepada Kementerian Kesihatan bagi tujuan perubatan dan pendidikan kesihatan. Ini meliputi kos rawatan bagi penyakit seperti diabetis dan kanser. Sehubungan ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan kaedah “*earmark*” bagi hasil eksais untuk tujuan spesifik seperti perubatan diabetis atau kanser.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA
[SEGAMAT]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan merujuk kepada sesi perbincangan berkaitan isu aduan pencemaran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar pada 19 Ogos 2019 bertempat di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Segamat, adakah kilang kelapa sawit milik Mestika Sdn. Bhd. telah mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Tangkak untuk memperolehi lesen operasi. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan tiada lagi isu seperti yang dihadapi oleh Mestika Sdn. Bhd. tersebut berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Hasil pemeriksaan terkini yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Muar ke atas kilang kelapa sawit milik Syarikat Mestika Sdn. Bhd. pada 24 Januari 2019 mendapati kilang ini mematuhi keperluan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor serta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

2. Walau bagaimanapun Syarikat Mestika Sdn. Bhd. masih belum mematuhi sepenuhnya syarat lesen yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Tangkak iaitu untuk melengkapkan pemasangan sepenuhnya sistem loji biogas. Terdapat kelewatan dari jadual asal yang telah ditetapkan iaitu 31 Disember 2018 susulan bekalan bahan komponen yang lewat diterima daripada pihak pembekal. Sehingga 4 Mac 2019, status kemajuan pemasangan loji biogas oleh Syarikat Mestika Sdn. Bhd. adalah sebanyak 80%. Syarikat Mestika Sdn. Bhd. menjangkakan projek ini siap sepenuhnya pada penghujung Mei 2019.

3. Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan penguatkuasaan secara berkala bagi memastikan pihak industri mematuhi sepenuhnya peraturan yang digariskan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

4. Penempatan kilang kelapa sawit Syarikat Mestika Sdn. Bhd. adalah mematuhi syarat zon guna tanah yang telah diwartakan serta mengutamakan *Best Available Technology (BAT)* bagi mengawal pencemaran yang mungkin terhasil daripada aktiviti yang dijalankan. Keperluan tersebut telah diperincikan dengan jelas dalam garis panduan *Environmental Essential for Siting of Industries in Malaysia (EESIM)*, Jabatan Alam Sekitar Malaysia (Terbitan Oktober 2017) sebagai panduan kepada pihak industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 21.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 61

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek bina baru SMK Bongkol, Pitas. Bilakah projek pembinaan tersebut dapat dimulakan dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan gantian penuh SMK Bongkol, Pitas telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Skop projek meliputi pembinaan 18 bilik darjah gantian penuh dan lain-lain kemudahan, asrama bagi 200 murid serta 16 unit rumah guru. Projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan berada dalam peringkat prabina. Pelaksanaan kerja-kerja akan bermula sebaik sahaja pihak JKR memuktamadkan perolehan.

Sekian, terima kasih

RJM 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah harga jualan racun Rumputox (1kg), Akara (500gram), Nativo (250gram) dan Akess (300gram) oleh MADA Corp kepada NAFAS dan harga jualan NAFAS kepada petani dan siapakah pembekal racun-racun tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga belian dan harga jualan racun Akara (500gram), Akess (300gram), Rumputox (1kg) dan Nativo (250gram) serta pembekal racun adalah seperti berikut:

Bil	Produk	Pembekal	Harga Belian (RM)	Harga Jualan/Kontrak NAFAS (RM)
i.	Akara (500g)	MADA Corp.	84.55	93.00
ii.	Akess (300g)	Sdn. Bhd	75.45	83.00
iii.	Rumputox (1 kg)	Agricultural Chemicals Malaysian Sdn.Bhd.	16.90	18.30
iv.	Nativo (250g)	Bayer (M) Sdn. Bhd.	118.50	135.00

Harga yang dijual kepada pengguna adalah berdasarkan harga kontrak di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) yang dipersetujui antara Kementerian Kewangan dan pembekal (NAFAS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 21 MAC 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kedudukan kewangan Tabung Haji dan sejauh mana kejayaan pelaksanaan pelan pemulihan semula Tabung Haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Penyata Kewangan pada 31 Disember 2017 yang telah diaudit, jumlah nilai aset yang dimiliki Tabung haji adalah RM70.3 bilion, berbanding nilai liabiliti, terdiri daripada jumlah deposit dan tanggungan, sebanyak RM74.4 bilion.

Selaras dengan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji, aset-aset yang memberi pulangan rendah dan mengalami kejatuhan nilai melebihi 20% telah dipindahkan pada nilai RM19.9 bilion bagi menutup jurang diantara aset dan liabiliti yang dialami Tabung Haji. Aset-aset yang dipindahkan terdiri daripada 29 harta tanah, 1 syarikat tidak tersenarai dan 106 sekuriti ekuiti domestik, dimana:

- 18 hartanah tidak mempunyai sebarang pendapatan, terutamanya tanah kosong.
- 10 pegangan sekuriti equiti domestik yang mengalami kerugian tertinggi mempunyai kerugian berjumlah hampir RM4.6 bilion.

Kedudukan kewangan pada hujung 2018 yang belum diaudit kini menunjukkan Lembaga Tabung Haji memiliki aset berjumlah RM76.5 bilion berbanding jumlah deposit dan tanggungan sebanyak RM75.5 bilion sebelum bayaran hibah 2018 dibuat.

Kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji kini bertambah baik, dimana nilai aset melebihi nilai liabiliti, membolehkan Hibah diisytihar mengikut Akta Tabung Haji 1995.

Untuk memastikan ketelusan yang berterusan, pengumuman mengenai prestasi dan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji akan dibuat pada setiap 3 bulan bermula suku pertama tahun 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah untuk mengatasi ancaman negara-negara Kesatuan Eropah yang memboikot minyak sawit; dan
- (b) adakah kempen boikot barangan Kesatuan Eropah akan mendatangkan hasil memandangkan pasaran Malaysia yang kecil dan kurang signifikan di negara-negara Eropah.

JAWAPAN (a) :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pada 13 Mac 2019, pihak Suruhanjaya Eropah telah pun menerima *Delegated Act* iaitu dokumen pelengkap kepada *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) yang menerangkan antara lain mengenai kriteria atau metodologi bagi menentukan sama ada sumber dalam pengeluaran biobahan api menyebabkan kadar *Indirect Land Use Change* (ILUC) yang tinggi atau rendah dan kesannya kepada pelepasan gas rumah hijau. Akta ini dilihat akan memberi impak yang negatif kepada industri sawit negara memandangkan minyak sawit telah diklasifikasikan sebagai mempunyai kadar risiko ILUC yang tinggi.

Susulan daripada itu, Kerajaan telah merangka beberapa langkah bagi mengatasi ancaman negara-negara Kesatuan Eropah terhadap industri sawit negara. Antaranya, Kerajaan secara konsisten telah dan akan terus:

- i. mengkritik sekeras-kerasnya langkah yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah memandangkan ia dilihat sebagai langkah diskriminasi dan tidak adil terhadap industri sawit negara;
- ii. memperjuangkan hak dengan menyuarakan bantahan terhadap langkah diskriminasi industri sawit negara di platform antarabangsa seperti *World Trade Organization (WTO)* melalui mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal Kepada Perdagangan (*Technical Barriers to Trade*), Majlis bagi Perdagangan Barangan (*Council for Trade in Goods*) dan Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (*Trade and Environment Committee*);
- iii. bekerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)* untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit; dan
- iv. bekerjasama negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau sepertimana yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Dua Hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut, ASEAN telah memutuskan untuk menanggung agenda penaiktarafan hubungan dialog ASEAN-EU ke peringkat Kerjasama Strategik (*Strategic Partnership*) pada satu tarikh yang akan datang.

Selain itu, satu kerjasama erat telah ditubuhkan antara Menteri Luar Negeri, Menteri Industri Utama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, dan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi terhadap industri sawit negara. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan atau program yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara khususnya di negara Kesatuan Eropah. Mesyuarat *Palm Oil War Room (POWR)* di peringkat Menteri bagi kementerian yang berkaitan juga akan diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu dan langkah yang wajar diambil serta peruntukan yang diperlukan bagi membiayai program dan aktiviti menangani kempen anti minyak sawit. Buat masa ini, Mesyuarat

POWR yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama aktif diadakan pada peringkat pegawai dengan Kementerian-kementerian seperti di atas.

Kementerian juga telah menyuarakan bantahan kepada negara anggota Kesatuan Eropah berhubung *Delegated Act* di bawah *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) tersebut yang dilihat akan mendiskriminasi industri sawit negara. Satu Lawatan Kerja Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha ke Belgium dan Belanda juga telah diadakan pada 5 hingga 13 Mac 2019 bertujuan untuk mengadakan perbincangan dua hala mengenai draf *delegated act* di bawah EU RED II bersama pihak Suruhanjaya Eropah.

Dalam lawatan kerja tersebut, delegasi Kementerian telah mengambil bahagian dalam *Stakeholder Meeting On High And Low Indirect Land Use Change (ILUC) Risk Biofuels Under The Recast Of The Renewable Energy Directive (EU RED II)* yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Eropah pada 5 Mac 2019. Antara perkara-perkara yang telah disampaikan dan dimaklumkan dalam sesi Konsultasi tersebut adalah:

- i. pendirian dan pandangan yang jelas dan tepat berdasarkan berdasarkan kepada polisi dan data teknikal serta saintifik berkenaan kriteria dan metodologi yang tidak berasas yang telah digariskan dalam draf *Delegated Regulation* tersebut serta isu-isu yang berkaitan penyahhutan dan kemampanan; dan
- ii. menggesa pihak Kesatuan Eropah untuk memberi perhatian kepada usaha berterusan Malaysia untuk menjadikan keseluruhan rangkaian bekalan minyak sawit adalah mampan menerusi skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan menjadi mandatori menjelang Januari 2020 dan memaklukkann inisiatif kemampanan industri sawit negara yang berasaskan *United Nations Sustainable Development Goal 2030*.

Semasa di Brussels juga, pertemuan dan perbincangan telah diadakan dan seterusnya menyerahkan secara rasmi mengenai pandangan dan maklum balas Malaysia terhadap draf *Delegated Regulation* dengan Ketua Pengarah, *Directorate General for Energy*, yang bertanggungjawab dalam

menyediakan draf akta tersebut. Perbincangan mengenai isu-isu berkaitan perkembangan semasa industri sawit di Malaysia dan EU seperti isu penyahhutanan serta cadangan tahap maksimum 3-MCPDE dalam minyak sayuran juga telah diadakan bersama-sama Pegawai Kanan daripada *European External Regulation Service; Directorate-General for Environment; Directorate-General for Trade; dan Directorate-General for Health and Food Safety.*

JAWAPAN (b) :

Pada masa ini, Kementerian masih lagi mengkaji pelaksanaan kempen memboikot barangan Kesatuan Eropah dari pelbagai sudut termasuk kesan dan implikasi pelaksanaan kempen tersebut terhadap negara secara keseluruhannya. Namun demikian, Kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk mempertimbangkan semula rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) di antara Kesatuan Eropah dan penentuan perolehan aset Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) daripada negara Kesatuan Eropah dengan syarat yang lebih ketat dan mampu memberikan *win-win situation*. Cadangan langkah ini adalah penting bagi menunjukkan ketidakpuasan negara terhadap tindakan Kesatuan Eropah dan memastikan kepentingan perdagangan industri sawit negara terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 65

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha dan galakan yang telah diberikan oleh pihak Kementerian dalam sektor pertanian khususnya untuk meningkatkan penglibatan golongan muda agar lebih aktif dan maju dalam bidang-bidang yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan golongan belia / golongan muda dalam sektor agromakanan adalah sangat penting, terutama dalam menangani cabaran yang dihadapi pada masa ini berhubung peratusan penglibatan golongan petani berumur dan pekerja asing yang tinggi dalam sektor agromakanan negara.

Menyedari keperluan tersebut, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya. Program tersebut dilaksanakan berdasarkan pendekatan holistik merangkumi pembangunan modal insan, penyediaan insentif dalam bentuk dana bantuan dan pembiayaan serta khidmat sokongan dan nasihat. Di samping itu, pelbagai teknologi moden dalam pengeluaran pertanian, pemprosesan dan pemasaran telah juga diperkenalkan kepada golongan belia dan muda. Objektif utama pelaksanaan program tersebut adalah untuk menarik minat belia

menceburi bidang agromakanan dan memastikan bidang yang diceburi dapat memberi pulangan lumayan kepada mereka.

Antara program tersebut yang telah memberi impak positif kepada belia dan golongan muda adalah seperti berikut:

i. Program Latihan

Pelbagai program latihan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diselaraskan oleh Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian. Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) menawarkan 9 bidang pembelajaran, antaranya tanaman, ruminan, akuakultur, teknologi penangkapan ikan dan pemasaran. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 1969 sehingga tahun 2018, seramai 18,480 orang graduan telah berjaya dihasilkan. Program MyAgrosis pula dilaksanakan bagi melahirkan kelompok usahawan siswazah tani dalam kalangan institusi tinggi awam dan swasta. Mereka ini dibimbing oleh agensi yang terlibat bersama-sama pensyarah di IPTA/IPTS bagi memantau projek pertanian oleh pelajar-pelajar yang menjadi ahli Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis). Selain itu, salah satu pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pula adalah melatih golongan belia dengan memberi kursus kemahiran jangka masa panjang (6 bulan) dan jangka masa pendek (3 hari) berkaitan pemprosesan makanan berasaskan pertanian.

ii. Insentif Dana dan Pembiayaan

Kementerian juga menyediakan insentif dana dan pembiayaan kepada golongan muda. Sebagai contoh, Program Agroprenur Muda (PAM) yang telah bermula sejak dari tahun 2014 sehingga kini menyediakan geran untuk perolehan input pertanian bernilai sehingga RM20,000 bagi setiap projek. Manakala bagi pembiayaan pula, agensi pembiaya seperti Agrobank dan TEKUN Nasional menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Mudah sehingga RM200,000 untuk projek pertanian kepada golongan belia.

iii. Teknologi

Kementerian juga telah memperkenalkan penggunaan teknologi digital sebagai langkah untuk memodenkan sektor pertanian dengan

menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih menggunakan peralatan seperti telefon pintar, iPad dan lain-lain yang dibangunkan oleh MARDI, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan FAMA. Sebagai contoh, MARDI telah berjaya menghasilkan 25 aplikasi mudah alih yang digunakan sebagai panduan dan sebagai alat bantuan (*tools*) kepada petani dalam usaha untuk memodenkan pertanian negara dan meningkatkan produktivi petani. Dari segi khidmat sokongan penggunaan teknologi, Jabatan Pertanian (DOA) juga telah memperkenalkan aplikasi yang bertujuan untuk mentransformasi perkhidmatan pengembangan pertanian yang boleh dicapai dengan cepat dan mudah tanpa mengira masa dan tempat. Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dalam subsektor tanaman, sebanyak 13 perkhidmatan secara *online* telah disediakan di bawah DOA. Dalam sektor perikanan pula, Sistem Penentuan Kawasan Berpotensi bagi Penangkapan Ikan (*Potential Fishing Site Identification System, FSI*) telah dibangunkan dengan menggunakan teknologi *remote sensing*, GIS dan teknologi berkaitan. Dengan adanya maklumat lokasi kedapatan ikan sebelum turun ke laut, nelayan boleh terus ke lokasi penangkapan ikan dan ini menjimatkan kos keseluruhan operasi (minyak dan masa) berbanding kaedah lazim.

iv. **Pemasaran**

Bagi pemasaran, Program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) telah diperkenalkan oleh FAMA sebagai program transformasi dalam meningkatkan pendapatan belia atau golongan muda dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Program NBME ini adalah kerjasama di antara FAMA (portal AgroBazaar *Online*), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bersama ahli Kelab MyAgrosis khususnya dan pelajar amnya serta usahawan industri asas tani (IAT). Sehingga kini, sebanyak 15 Institut Pengajian Tinggi Awam dan swasta terlibat dalam program ini dengan penyertaan seramai 1,694 pelajar. Jumlah transaksi yang dicatatkan setakat ini ialah sejumlah RM140 ribu. Program ini akan diteruskan ke seluruh negara dengan sasaran penyertaan seramai 13,000 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN
BIN TUN HUSSEIN (SEMBRONG)

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah kerjasama tiga hala MALINDOPHIL masih lagi berjalan, sekiranya ya sejauh mana ia telah berjaya mengurangkan ancaman pengganas di Lautan Sulu dan apakah perancangan akan datang Kementerian ke atas projek kerjasama ini. Serta adakah penurunan bajet maritim Kementerian telah memberi kesan kepada aktiviti rondaan keselamatan dan kebajikan angkatan tentera yang terlibat dalam operasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) INDOMALPHI (Indonesia – Malaysia – Filipina) masih lagi dilaksanakan di bawah pengurusan dan kawalan oleh Kumpulan Kerja (*Joint Working Group*) yang bermesyuarat sebanyak tiga kali setahun secara giliran. Kumpulan Kerja ini dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Inisiatif ini telah memberikan kesan yang ketara di mana terdapat penurunan kes-kes penculikan/rompakan di sekitar perairan Sabah Timur/Laut Sulu semenjak ianya dilaksanakan pada tahun 2016 yang lalu. Sebagai contoh, pada tahun 2016 terdapat sebanyak 8 insiden penculikan yang di laporkan, 2017 tiada insiden, manakala tahun 2018 hanya sebanyak 2 insiden.

Kerjasama di bawah rangka kerja *Trilateral Cooperative Agreement* (TCA) dan *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) ini terus diperkasakan dengan aktiviti-aktiviti di bawah Kumpulan Kerja yang menjurus kepada peranan elemen risikan (*Intelligence*), *Maritime Patrol* dan *Air Patrol*. Selain itu, fokus juga diberi terhadap pelaksanaan TMP *Exercise* yang dilaksanakan secara giliran oleh ketiga-tiga *Maritime Command Centre* (MCC) di Tawau, Malaysia; Tawi-Tawi, Filipina; dan Tarakan, Indonesia bersama-sama dengan aset-aset rondaan di lapangan.

Bagi isu penurunan bajet maritim pula, ianya tidak bermakna pasukan keselamatan mengabaikan keperluan rondaan maritim secara 24 jam dan 7 hari seminggu (24/7). Cabaran ini ditangani secara menyelaraskan semula semua aktiviti operasi dan latihan TLDM mengikut keutamaan berdasarkan bajet sedia ada. Di samping itu, kebajikan anggota pasukan keselamatan yang terlibat dalam operasi ini juga tidak pernah diabaikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah fungsi Majlis Tindakan Ekonomi yang baharu dan apakah bezanya dengan Majlis Penasihat Kerajaan yang bertindak menasihati Kerajaan mengenai ekonomi dan kewangan yang ditubuhkan sebelum ini serta status laporan cadangan yang telah dikemukakan serta apakah kriteria pemilihan ahli-ahli dalam Majlis Tindakan Ekonomi yang baharu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan EAC pada 11 Februari 2019 berdasarkan situasi semasa dan sebagai respons untuk menangani masalah mendesak yang melibatkan kepentingan sosioekonomi rakyat. EAC akan meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi, kewangan serta kebajikan rakyat.
2. EAC juga berperanan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua kelompok pemegang taruh termasuk pakar-pakar daripada pelbagai bidang di luar Kerajaan. Kombinasi input serta pandangan swasta dan kerajaan akan membolehkan satu penyelesaian yang holistik, seterusnya akan memberi manfaat yang optimum kepada rakyat.
3. Matlamat utama EAC ini adalah untuk merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC juga akan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah suatu badan yang bersifat *action oriented* dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.
4. Bagi mencapai hasrat ini, keanggotaan EAC yang terdiri daripada anggota pentadbiran, wakil sektor swasta dan ahli akademik akan dapat menggabungkan pandangan dan input dalam merencana strategi untuk merancak dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, pandangan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta akan membantu Kerajaan dalam merangka NO SOALAN: 1 3 pelan strategi yang komprehensif untuk menangani isu semasa yang dihadapi oleh rakyat.
5. Keanggotaan EAC juga mengambil kira dasar Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang merentasi wilayah dan bersifat inklusif. Justeru, EAC juga dianggotai oleh Ahli Jemaah Menteri daripada Sabah dan Sarawak serta wakil kaum Orang Asli.

6. Untuk memastikan EAC dapat berfungsi dengan efektif dan berkesan, YAB Perdana Menteri telah bersetuju Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menggalas tanggungjawab sebagai sekretariat Majlis ini. Tertakluk kepada persetujuan YAB Perdana Menteri, Kementerian akan mencadangkan jawatankuasa eksekutif yang bertanggungjawab untuk membuat analisis isu semasa sosioekonomi dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada EAC dan mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan dan agensi berkaitan. Bagi membantu jawatankuasa eksekutif, beberapa kumpulan kerja (working group) akan dibentuk berdasarkan isu yang dikenalpasti.

7. Fungsi Majlis Penasihat Kerajaan atau dengan izin Council of Eminent Persons (CEP) yang ditubuhkan pada 12 Mei 2018 adalah berbeza dengan EAC. Fungsi utama CEP adalah memberi nasihat kepada YAB Perdana Menteri dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian dalam tempoh peralihan kuasa. Peranan CEP adalah hanya dalam kapasiti penasihat ataupun advisory tanpa sebarang kuasa eksekutif. Seperti mandat yang diberikan, CEP telah mengemukakan laporan kepada YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2018 untuk pertimbangan Kerajaan. CEP telah memainkan peranan yang amat berkesan dalam meneliti dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk meletakkan kembali ekonomi negara pada asas yang betul.

8. EAC telah bermesyuarat buat pertama kali pada 20 Mac 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
21 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 21 MAC 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan lambakan unit rumah yang tidak terjual setelah berlaku peningkatan sebanyak 3% pada Suku Ketiga 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah lambakan unit rumah yang tidak dijual ini dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuklah isu kebolehcapaian kepada akses pembiayaan. Perkara ini terjadi apabila pendapatan boleh guna bakal pembeli akan terhad di samping komitmen kewangan yang tinggi seperti pinjaman peribadi, kenderaan, pelajaran serta pinjaman-pinjaman lain. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencadangkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk mempertimbangkan cadangan pemberian diskaun sebanyak 10% daripada harga rumah serta kelulusan pinjaman perumahan 100% tanpa deposit melalui program Diskaun Plus.

Inisiatif ini akan meningkatkan bilangan pembeli rumah terutamanya kumpulan sasaran yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan pinjaman kewangan sepenuhnya tanpa deposit dan meningkatkan pemilikan rumah mampu milik bagi kumpulan rakyat B40 dan M40.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah lain yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah lambakan unit rumah yang tidak dijual adalah seperti berikut:

- a) Melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun/rebat oleh pemaju swasta/PR1MA/SPNB sekurang-kurangnya 10%;

- b) Mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi tahun 2019;
 - c) Pemberian insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;
 - d) Cadangan kepada pemaju untuk membuat kajian pasaran (*market study*) bagi memastikan pembangunan di sesuatu lokasi mengikut permintaan (*demand*);
 - e) Bagi unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membuat pemantauan bersama dengan pemaju bagi memastikan unit kuota Bumiputera ini dapat dijual; dan
 - f) Menambah baik skim pembiayaan perumahan terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan.
3. Kesimpulannya, langkah-langkah ini akan dan sedang ditingkatkan oleh Kerajaan bagi membantu menyelesaikan masalah lambakan rumah tidak terjual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

Tuan Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan peranan Kementerian dalam membantu peserta Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang dilihat hampir tidak berjaya terutamanya di Kuala Terengganu dan kawasan-kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan program TUKAR adalah bertujuan memodenkan kedai runcit tradisional untuk bersaing dalam perniagaan runcit yang kompetitif. Sehingga kini sebanyak 679 peserta TUKAR masih beroperasi. Negeri Terengganu mencatatkan sebanyak 113 buah TUKAR yang masih beroperasi dan amat mengejutkan apabila ia merupakan bilangan penyertaan aktif yang paling tinggi berbanding negeri-negeri yang lain. Angka ini membuktikan bahawa program ini telah memberi manfaat kepada mereka dalam mentransformasikan perniagaan tradisional kepada yang lebih moden.

Dalam usaha memastikan peserta program ini terus bersaing dalam perniagaan yang diceburi, Kementerian telah mengambil inisiatif melaksanakan Program Penilaian Prestasi dan Kajian Impak sepanjang tahun 2018 untuk peserta-peserta TUKAR. Melalui program ini, pihak Kementerian dapat menilai prestasi semasa perniagaan peserta.

Sehubungan itu, Kementerian akan melaksanakan sesi libat urus bersama peserta-peserta TUKAR bagi membolehkan pihak Kementerian memahami isu-isu yang dihadapi oleh peserta sekaligus merangka program pemerksaan yang bersesuaian dengan keperluan peserta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam pembangunan atlet negara pada masa ini.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa memberi tumpuan kepada kelangsungan kecemerlangan sukan serta menitikberatkan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan atlet dijalankan secara konsisten untuk masa depan negara. MSN sentiasa memberi fokus kepada program pembangunan sukan bagi memastikan bakat-bakat atlet di peringkat akar umbi dapat digilap sehingga ke peringkat kebangsaan bagi menggantikan atlet-atlet senior pada bila-bila masa.
2. Perancangan pelaksanaan program latihan adalah lebih khusus di mana ianya bermula daripada peringkat pencarian Bakat, Pelapis Negeri, Pelapis Serantau dan seterusnya Peringkat Kebangsaan. Majlis Sukan Negeri dan Persatuan Sukan Kebangsaan pula diberikan kuasa (*empowerment*) untuk melaksanakan program latihan serta pengurusan program di peringkat negeri dan kebangsaan.

SOALAN NO : 70

3. Pada tahun 2015, program Bakat telah diperkenalkan bagi mengembangkan program latihan di peringkat daerah serta mencungkil bakat-bakat muda dengan latihan yang lebih sistematik. Program ini diadakan bertujuan memperluaskan tapak penyertaan bakat muda berumur seawal 12 tahun, disamping memberikan latihan asas yang mencukupi untuk mengasah bakat kemahiran mereka.

4. Program Sukan Pilihan turut dilaksanakan bagi sukan akuatik renang, berbasikal, badminton, olahraga dan bola sepak bagi memperluaskan lagi tapak penyertaan atlet muda di pelbagai peringkat. Atlet-atlet ini diberi lebih banyak pendedahan peluang pertandingan di pelbagai peringkat.

5. Atlet-atlet muda yang berbakat dari peringkat daerah akan dipilih untuk meneruskan latihan di dalam program Pelapis Negeri yang dilaksanakan dengan kerjasama erat daripada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK), Institut Sukan Negara (ISN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Sukan Negeri. Atlet Pelapis Negeri akan dinilai prestasinya di kejohanan peringkat Remaja Kebangsaan mahupun Kejohanan Kebangsaan sebelum ditawarkan ke program Pelapis Kebangsaan yang berpusat di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Atlet-atlet ini akan dinilai semula berdasarkan prestasi semasa sebelum disenarai pendekkan ke Program Senior atau Podium.

6. Namun begitu, Kementerian melalui MSN dan Institut Sukan Negara (ISN) telah melakukan penstrukturan semula program latihan atlet pada bulan November 2018. Program latihan ini memberi penekanan kepada prestasi atlet (*performance based*) berdasarkan sasaran pingat di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA. Manakala, bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Olimpik pula, pihak Kementerian akan memberi perhatian kepada kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat dunia yang akan menjadi indikator kepada prestasi atlet.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]
TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 71

Y.B. DATUK SERI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah ICQS Tebedu akan dijadikan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zon)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Border Trade Agreement 1970 (BTA 1970) antara Malaysia - Indonesia mengiktiraf aktiviti perdagangan tradisional rentas sempadan oleh penduduk di sekitar sempadan Malaysia-Indonesia. Pada masa ini Kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menjadikan ICQS sebagai Zon Perdagangan Bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990.